



B40

B40

● BIL 288 ● 15 - 21 NOVEMBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

B40

B40

T15

B40

B40

T15

T15

B40

M40

B40

SUBSIDI BERSASAR RON95

KEADILAN SOSIAL

➤➤ 2-3

M40

B40

Suara anak muda
cerminan realiti
➤➤ 6

Malaysia
negara bahagia
➤➤ 9-11

Bantu pelajar
hadapi dunia luar
➤➤ 19

Setiap ringgit dibelanja menepati objektif

PENYASARAN subsidi petrol RON95 yang ingin dilaksanakan kerajaan adalah bagi memastikan setiap ringgit dibelanjakan kepada rakyat akan menepati kehendak objektifnya.

Menurut Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad, **Mohd Afzanizam Abdul Rashid**, bantuan diberikan kepada rakyat harus diberikan kepada yang memerlukan agar mereka dapat menikmati kehidupan lebih baik.

“Ini juga dapat meningkatkan keupayaan dan taraf hidup mereka apabila bantuan diberikan. Mereka boleh berbelanja kepada perkara lain seperti pendidikan anak-anak dan sebagainya,” katanya.

Terdahulu, kerajaan bercadang melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun 2025.

Perdana Menteri, Datuk Seri



MOHD AFZANIZAM

Anwar Ibrahim berkata penjaminan yang dicapai daripada penyasaran subsidi bahan api itu akan dimanfaatkan untuk kesejahteraan rakyat terbanyak.

Kementerian Ekonomi sebelum ini memaklumkan, mekanisme penyasaran subsidi RON95 akan menggunakan sepenuhnya data Pangkalan Data Utama (PADU) manakala penentuan kumpulan sasaran ditentukan berdasarkan pendapatan boleh guna bersih isi rumah.

Menurut kementerian itu, sistem PADU adalah repositori data individu dan isi rumah warganegara serta pemastautin tetap yang berada di Malaysia.

Mengulas lanjut, Afzanizam berkata penyasaran subsidi RON95 juga akan membawa kepada penjaminan.

Beliau berkata ini disebabkan

sebelum ini golongan mendapat banyak manfaat adalah mereka yang berpendapatan tinggi.

“Ini disebabkan mereka ini menggunakan kenderaan yang berkuasa besar dan banyak menggunakan bahan api.

“Selain itu, kegiatan penyeludupan juga begitu berleluasa berikutan perbezaan harga yang ketara dengan negara jiran dan mewujudkan insentif untuk mengaut keuntungan yang luar biasa,” katanya.

Sementara itu, Afzanizam berkata penggunaan bahan api oleh bukan warganegara juga berlaku dalam kalangan mereka yang datang bekerja di sini atau melancong.

Beliau berkata hal tersebut menyebabkan banyak ketirisan.

Katanya lagi, penjaminan boleh disalurkan untuk pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan keselamatan.

“Empat perkara ini akan dapat membina sebuah negara baik di peringkat produktiviti kemahiran dan menarik minat pelabur asing ke dalam negara,” katanya. 



PENYASARAN RON95 membolehkan golongan sasaran berbelanja kepada perkara lain seperti pendidikan anak-anak dan sebagainya.

Penyasaran subsidi RON95

SELARI PRINSIP IHSAN

PENYASARAN Subsidi dan Tanggungjawab Sosial Salah satu isu yang dibangkitkan dalam Belanjawan 2025 ialah penyasaran subsidi yang lebih bersasar. Subsidi untuk elektrik, diesel dan petrol akan disesuaikan supaya lebih memberi manfaat kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan.

Ini bermakna subsidi hanya akan disalurkan kepada 85 peratus (%) rakyat yang berada dalam kategori berpendapatan rendah dan sederhana manakala golongan berpendapatan tinggi akan menanggung kos tanpa subsidi.

Memberi pandangan terhadap perkara itu, Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, **Siti Aisyah Samudin** berkata dari perspektif syariah, langkah ini selari dengan prinsip keadilan dan ihsan (al-'adl wal ihsan).

“Dalam Islam, keadilan menuntut agar bantuan diberikan berdasarkan keperluan dan bukan kelebihan. Oleh itu, subsidi yang bersasar ini adalah satu langkah yang tepat untuk memastikan tiada pembaziran

sumber negara dan golongan yang memerlukan mendapat hak yang sewajarnya.

“Bagaimanapun, pelaksanaan penyasaran subsidi ini perlu dipantau rapi agar tidak menjejaskan golongan yang berpendapatan rendah. Sistem pengagihan subsidi juga perlu telus dan menekankan kebajikan rakyat, selaras dengan semangat maqasid syariah yang berusaha untuk memelihara kesejahteraan umat.

“Oleh itu, penting bagi kerajaan untuk mengadakan mekanisme pemantauan yang berkesan, seperti menggunakan teknologi digital untuk memastikan subsidi hanya disalurkan kepada mereka yang benar-benar layak.

“Sistem verifikasi yang telus dan tidak membebankan adalah kunci dalam menjayakan usaha ini, supaya ketirisan dapat dikurangkan dan kebajikan rakyat

lebih terjamin. Selain itu, kerajaan juga perlu bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat untuk memastikan penyasaran subsidi

mencapai sasarannya,” ujar beliau.

Sementara itu, menurut Pensyarah di Fakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka, **Muhammad Ilhamuddin Arsad**, menerusi penglibatan komuniti, penyasaran subsidi dapat dilakukan dengan lebih tepat dan efektif.

“Menerusi pendekatan yang bersifat lebih holistik ini akan memastikan bahawa bantuan tidak hanya bersifat sementara, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup dan pengurangan kadar kemiskinan secara menyeluruh.

“Belanjawan 2025 baru-baru ini jelas menunjukkan usaha kerajaan untuk membawa perubahan dan penambahbaikan yang komprehensif sama ada dari segi ekonomi, sosial mahupun reformasi institusi.

“Dari perspektif syariah dan undang-undang banyak langkah yang diperkenalkan selaras dengan prinsip keadilan, amanah dan kebajikan rakyat. Namun begitu, untuk memastikan kejayaan pelaksanaan belanjawan ini, ia memerlukan komitmen dan usaha berterusan daripada semua pihak termasuk kerajaan, sektor swasta dan rakyat secara keseluruhannya.

“Keadilan sosial dan kesejahteraan yang diimpikan hanya dapat dicapai jika semua pihak memainkan peranan masing-masing dengan penuh tanggungjawab dan berpegang

kepada nilai-nilai murni yang diajarkan dalam Islam,” ujar beliau.

Tambah Muhammad Ilhamuddin, langkah-langkah seperti penyasaran subsidi yang lebih tepat, reformasi perundangan, pembangunan industri halal dan kerjasama awam-swasta adalah antara elemen penting yang dapat membantu mencapai matlamat ini.

“Menerusi kerjasama yang baik antara semua pihak dan komitmen yang kukuh, kita dapat merealisasikan visi kesejahteraan untuk semua selaras dengan prinsip-prinsip syariah yang menekankan keadilan, kebajikan dan pembangunan berterusan,” ujar beliau. 



SITI AISYAH



ILHAMUDDIN



SUBSIDI bersasar adalah satu langkah yang tepat untuk memastikan tiada pembaziran sumber negara.

METRA SYAHRIL MOHAMED

BIARPUN bukan pendekatan popular dalam kalangan rakyat, hasrat Kerajaan MADANI di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melaksanakan penyasaran subsidi RON95 pada pertengahan 2025 mampu meningkatkan keadilan sosial.

Demikian ditegaskan **Profesor Madya Dr Suryati Ishak** dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau melihat subsidi diberikan secara menyeluruh sering kali memberi lebih manfaat kepada golongan berpendapatan tinggi yang menggunakan lebih banyak bahan bakar.

Untuk itu katanya, dengan menyasarkan subsidi kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana, kerajaan dapat memastikan bantuan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan sekali gus mengurangkan jurang ketidaksamaan pendapatan.

"Malah menerusi inisiatif Budi MADANI, kerajaan kini komited untuk mengekang aktiviti penyeludupan dan ketirisan subsidi rakyat.

"Seperti di bawah MySubsidi Diesel, Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) merupakan satu platform khusus untuk kenderaan awam dan pengangkutan barangan terpilih terus mendapatkan subsidi diesel melalui kaedah *fleet card*," ujar beliau kepada Wilayahku.

Beliau berkata kerajaan mengambil langkah untuk memastikan subsidi ini lebih terarah kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Katanya ia juga memastikan golongan warga asing dan peratusan daripada kumpulan pendapatan T15 dalam negara tidak menyalahgunakan tujuan utama pemberian subsidi RON95, kerajaan juga menyasarkan kepada penjaminan sehingga RM8 bilion setahun.

"Selain itu tujuan utama penyelarasan subsidi RON95 adalah membantu pengurangan beban fiskal

Penyasaran subsidi RON95

BUKAN LANGKAH POPULAR TETAPI KEPERLUAN

kerajaan. Harga terkini RON95 di Malaysia adalah RM2.05 dan pada 2023, kerajaan menanggung jumlah subsidi mencecah RM20 bilion.

"Dengan menyelaraskan subsidi, beban tanggungan dapat dikurangkan dan diberikan kepada golongan yang layak sekali gus kerajaan dapat menumpukan kepada perbelanjaan yang lebih penting.

"Dana yang dijaminat ini boleh digunakan untuk memperkukuhkan sektor-sektor penting seperti pendidikan, kesihatan dan pembangunan infrastruktur yang secara langsung memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan," kata beliau.

Beliau memberitahu dengan subsidi yang lebih terarah, rakyat Malaysia akan lebih berhati-hati dalam penggunaan bahan bakar selain dapat mengurangkan pembaziran dan menggalakkan penggunaan bahan bakar secara lebih efisien.

Katanya, pengurangan dalam penggunaan bahan bakar dilihat dapat membantu mengurangkan pencemaran udara dan mempromosikan kelestarian alam sekitar.

"Komitmen negara untuk menggalakkan pembangunan yang mampan dan lestari boleh dilihat melalui kewujudan Dasar Alam Sekitar Negara. Antara tujuannya adalah untuk memastikan generasi masa kini dan masa hadapan memiliki alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif.

"Insentif ekonomi seperti pengenaan cukai dan penyasaran subsidi adalah antara instrumen berkesan untuk memelihara dan



PENYASARAN RON95 membolehkan peruntukan STR dinaikkan.

mematuhi dasar alam sekitar," katanya.

Menurut Suryati, penyelarasan RON95 juga dapat meningkatkan daya saing ekonomi negara iaitu dengan mengurangkan kebergantungan kepada subsidi, rakyat dan perniagaan akan lebih terdorong untuk mencari cara-cara inovatif dan lebih efisien dalam

penggunaan bahan bakar.

Katanya, ini boleh mendorong perkembangan teknologi hijau dan alternatif yang lebih lestari dalam mencari alternatif sumber bahan bakar fosil.

"Di samping itu, penyelarasan subsidi RON95 juga seiring dengan usaha kerajaan untuk mentransformasikan ekonomi negara

ke arah yang lebih mampan dan berdaya saing. Dengan mengalihkan dana subsidi kepada program-program pembangunan yang lain, kerajaan dapat mempercepatkan usaha ke arah ekonomi digital dan berteknologi tinggi yang akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat," katanya.



SURYATI



AHMED RAZMAN

PAKAR ekonomi, **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff** menyifatkan penyasaran subsidi RON95 akan memberi kebaikan kepada rakyat kerana majoriti 85 peratus (%) rakyat tempatan akan kekal menerima subsidi.

Beliau yang juga Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS) berkata penyasaran subsidi itu juga membolehkan penyeludupan minyak ke negara jiran dihapuskan.

"Penjaminan sebanyak jangkaan RM12 bilion akan dapat disalurkan kembali kepada rakyat.

"Kita melihat bagaimana penjaminan RM4 bilion melalui

rasionalisasi subsidi diesel membolehkan S u m b a n g a n Tunai Rahmah (STR) dinaikkan peruntukannya daripada RM10 bilion pada tahun 2024 kepada RM13 bilion pada tahun 2025," katanya.

Razman berkata penyasaran RON95 pada tahun hadapan membolehkan peruntukan STR dinaikkan lagi pada tahun 2026 melalui penjaminan tersebut.

Beliau berkata selain

peningkatan bantuan STR, kerajaan juga dapat menyediakan insentif kepada majikan supaya gaji pekerja dapat dinaikkan melalui gaji minimum atau gaji progresif.

T e r d a h u l u , kerajaan bercadang m e l a k s a n a n penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun 2025.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata penjaminan yang dicapai daripada penyasaran

subsidi bahan api itu akan dimanfaatkan untuk kesejahteraan rakyat terbanyak.

Anwar berkata dana RM8 bilion hasil 40 peratus subsidi petrol RON95 yang dinikmati warga asing dan golongan maha kaya akan dimanfaatkan kepada kemudahan pendidikan, kesihatan serta pengangkutan awam.

Sebelum ini kerajaan bersetuju menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 sebulan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025.

Katanya kerajaan turut memutuskan penangguhan kuat kuasa gaji minimum RM1,700

membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja bagi tempoh enam bulan iaitu berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025.

Ujar beliau yang juga Menteri Kewangan, sebanyak RM250 juta turut disediakan bagi meningkatkan penyertaan lebih ramai rakyat miskin tegar mengikuti Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi menambah pendapatan mereka.

Menurutnya inisiatif itu merupakan ikhtiar kerajaan menoktahkan kemiskinan tegar melalui peningkatan pendapatan rakyat.

Bawa kebaikan kepada 85% rakyat

METRA SYAHRIL MOHAMED

DALAM sesi temu bual bersama Richard Quest dari CNN baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggunakan peluang itu mengkritik media barat yang dilihatnya berat sebelah dalam liputan kemanusiaan di Gaza.

Untuk itu, beliau memberi penekanan kepada keperluan naratif yang seimbang, mencerminkan perjuangan rakyat Palestin yang selama ini ditindas Zionis.

Beliau turut mengajak Quest supaya tidak hanya memandangkan isu di Palestin dengan apa yang dilakukan Zionis baru-baru ini.

Sebaliknya Perdana Menteri mahu semua pihak merujuk sejarah panjang penderitaan Palestin sejak peristiwa Nakba pada 1948.

Platform itu juga digunakan Anwar melaungkan penegasannya menentang sebarang bentuk keganasan.

Namun beliau tetap mempersoalkan tumpuan barat terhadap konflik baru-baru ini sehingga mengabaikan sejarah penjajahan dan pendudukan Zionis yang lebih luas.

"Saya konsisten menentang sebarang bentuk keganasan. Tetapi di barat, mereka dalam media yang dikuasai mereka memang menetengahkan isu keganasan.

"Tetapi dalam masa yang sama, mereka ini membiarkan pencerobohan serta genosid yang sudah lama berlaku dan berterusan sehingga kini (di Gaza oleh rejim zionis)," katanya.

Menelusuri semuanya itu, Perdana Menteri juga bimbang dengan perencanaan di Barat untuk memadamkan atau mendiadakan sahaja apa yang berlaku lama sebelum konflik 7 Oktober di Gaza.

Klip video temu bual itu dimuat naik di akaun X Quest pada Selasa lalu.

Serangan besar-besaran Israel ke atas Gaza yang genap setahun (bertarikh 7 Oktober) meninggalkan derita dan sengsara berterusan ke atas rakyat Palestin dengan lebih 50,000 orang menjadi korban.

Konflik Taufan Al-Aqsa yang bermula pada 7 Oktober 2023 selepas siri ketegangan antara



ANWAR ketika sesi temu bual bersama Quest baru-baru ini.

Tentang sebarang bentuk keganasan

PM HENTAM SIKAP BERAT SEBELAH MEDIA BARAT

kumpulan pejuang Palestin dan tentera rejim Israel, tidak kelihatan akan reda dengan ada menyifatkan Israel melakukan genosid atau pembunuhan beramai-ramai di Gaza.

Konflik berpanjangan ini turut menyebabkan ratusan ribu orang hilang dan kehilangan tempat tinggal selain kemusnahan infrastruktur yang amat dahsyat sehingga menyukarkan bantuan kemanusiaan

sampai ke kawasan terjejas.

Seperkara lain, beliau ketika ditanya mengenai kemenangan Donald Trump dalam Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat (AS) berkata, sebarang bentuk dasar perlindungan akan menjejaskan negara-negara dari segi perdagangan dan pelaburan.

Beliau merujuk kemungkinan Trump bakal memperkenalkan dasar

berkenaan pada masa depan yang boleh menjejaskan Malaysia.

Menurut laporan, Trump berjanji untuk mengenakan tarif asas sebanyak 10 peratus ke atas semua barangan import yang mencetuskan kebimbangan dalam kalangan pengeluar di seluruh dunia.

Menyentuh mengenai organisasi antara kerajaan (BRICS), Anwar berkata ia adalah berbentuk

hubungan ekonomi dan perdagangan susulan Malaysia adalah sebuah negara perdagangan.

"Kami telah mendapat manfaat yang amat besar daripada kerjasama dengan AS dan Eropah dan kini China sedang berkembang, justeru dengan BRICS, kami membuka lebih banyak peluang untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan," kata beliau. 

Bincang kerjasama Malaysia-Arab Saudi



ANWAR ketika melawat bangunan asrama Wisma Seri Mutiara di Kaherah Mesir baru-baru ini. Foto: AFIQ HAMBALI/Pejabat Perdana Menteri

KERAJAAN bersedia menganjurkan Mesyuarat Penyelaras Pertama antara Malaysia dan Arab Saudi di peringkat Menteri Luar bagi membincangkan kerjasama kedua-dua negara dengan lebih lanjut.

Komitmen tersebut disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika pertemuannya dengan Putera Mahkota merangkap Perdana Menteri Arab Saudi, Mohammed Salman Abdulaziz Al-Saud di Riyadh.

Dalam pertemuan itu katanya, pelbagai aspek disentuh terkait hubungan Malaysia-Arab Saudi yang perlu diperluas khususnya dalam soal perdagangan dan pelaburan.

"Ini termasuk kerjasama dalam beberapa bidang baharu antaranya kecerdasan buatan

(AI), ekonomi hijau, tenaga bersih serta petrokimia," katanya dalam hantaran di Facebook.

Anwar memberitahu, beliau dan juga Putera Mahkota Arab Saudi itu juga sempat bertukar pandangan berkenaan situasi serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

"Saya zahirkan penghargaan terhadap kepemimpinan Kerajaan Arab Saudi terkait penganjuran Sidang Kemuncak Luar Biasa Negara Arab dan Islam termasuk usaha-usaha berterusan dalam membantu saudara Islam yang ditindas," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata kesempatan yang ada juga digunakan untuk menjemput Putera Mahkota dan Perdana Menteri Arab Saudi itu bagi menghadiri Sidang

Kemuncak ASEAN-GCC (Majlis Kerjasama Teluk) di Kuala Lumpur.

"Saya optimis bahawa hubungan erat antara Malaysia dan Arab Saudi dapat menyumbang kepada kemakmuran rakyat Malaysia keseluruhannya, insya-Allah," tambahnya.

Anwar tiba di Riyadh, Arab Saudi untuk menghadiri Sidang Kemuncak Negara Arab-Islam.

Kehadiran Perdana Menteri ke sidang kemuncak itu adalah untuk menyuarakan pandangan dan membawa mandat rakyat Malaysia mengenai kekejaman berterusan serta isu kemanusiaan yang berpunca daripada tindakan rejim Zionis Israel di Palestin dan Lubnan.

Anwar dijadual kembali ke Kaherah untuk meneruskan lawatan rasmi empat harinya ke Mesir. 

Tidak timbul soal ancam kedaulatan negara

KERJASAMA DENGAN CHINA MAJUKAN NEGARA

ISU bergantung pada China atau dengan kata lain 'bagi muka' sering kali digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab dalam usaha untuk menyerang pihak kerajaan. Mungkin kerana mereka ini tiada 'modal' untuk berbicara.

Baru-baru ini kecoh apabila ada yang mendakwa Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dikatakan terlalu obses kepada China sehingga memberi peluang kepada negara tersebut untuk meneroka tanah-tanah di Malaysia.

Malah, sangat keterlaluan apabila menuduh ia merupakan titik permulaan kedaulatan negara mula terancam. Sepatutnya, kita bangga apabila PM berusaha melakukan pelbagai perubahan dan pembaharuan demi kemajuan negara dalam pelbagai aspek.

Dalam wawancara eksklusif bersama People's Daily Online semasa lawatan kerja di Shanghai, China, Anwar berkata Malaysia bersedia memperluas pertukaran kepakaran dan kemahiran dengan China dalam bidang perdagangan, pelaburan, komunikasi, ekonomi digital dan pendidikan untuk memperkukuh kerjasama.

"Pembinaan komuniti Malaysia dan China dengan masa depan bersama telah memuncak dalam tempoh setahun lalu.

"Kerjasama Malaysia-China meningkat secara menyeluruh dan strategik," katanya berharap kedua-



ANWAR ketika rangka lawatan ke China baru-baru ini. – Foto: Facebook Anwar Ibrahim

dua negara terus mewujudkan peluang kerjasama baharu.

Sempena 50 tahun hubungan diplomatik China dan Malaysia, hubungan kedua-dua negara telah mengekalkan momentum kerjasama yang baik.

Lawatan Anwar ke China kali ini antaranya untuk menghadiri Ekspo Import Antarabangsa China (CIIE) di mana Malaysia ialah satu daripada negara tetamu kehormat untuk ekspo itu.

Penglibatan dalam CIIE memberikan peluang kepada

syarikat Malaysia untuk menembusi pasaran China.

"Ekspo itu bukan sahaja memaparkan pencapaian China malah ia juga menawarkan ruang dan peluang kepada syarikat dari negara membangun termasuk Malaysia untuk mempromosikan produk masing-masing sekali gus menjadi wadah baharu untuk meneroka kerjasama," ujar beliau.

Nampaknya, jalinan hubungan baik antara Malaysia dan China bukanlah seperti apa yang ditafsirkan oleh golongan yang suka

menabur fitnah dan mencetuskan ketidakpuasan hati rakyat.

Sedangkan apa yang dilakukan PM adalah usaha berterusan yang tidak kenal erti penat lelah untuk memajukan negara bukannya menjual atau menggadaikan kedaulatan seperti yang didakwa.

Malah, peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 juga adalah untuk memperkukuh hubungan ASEAN dan China serta mengukuhkan sinergi dengan China khususnya dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Status ekonomi bukti kejayaan

TULAR di media sosial kononnya kerajaan tidak cekap dalam mengawal inflasi dan tiada perancangan teliti untuk menanganinya.

Ada yang menuduh, kerajaan cuba menyorok situasi sebenar ekonomi negara kerana tidak mahu dilihat lemah.

Tiada istilah sorok kelemahan kerana prestasi Kerajaan MADANI dalam mengawal inflasi terutama berkaitan kenaikan harga barang makanan dan minuman disifatkan sebagai terbaik sejak mengambil alih pentadbiran negara.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata sejak pertukaran kerajaan pada 2018, inflasi makanan dan minuman paling rendah yang direkodkan ialah pada Julai iaitu 0.7 peratus serta kekal rendah hingga Mei 2019 sebelum meningkat kepada 1.2 peratus kesan daripada penghapusan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

"Pada Jun 2019, (ia) mula naik melebihi dua peratus dan hanya turun semasa pandemik COVID-19 akibat permintaan kurang pada

Oktober 2021, harga barang makanan dan minuman mula naik mendadak dari 1.9 peratus kepada 7.2 peratus dalam bulan Ogos 2022.

"Kenaikan harga makanan dan minuman hanya mula turun secara signifikan mulai Mac 2023 dengan 6.9 peratus kemudian turun kepada 4.1 peratus pada Ogos 2023, dua peratus bagi Januari 2024 dan sekarang ini kekal 1.6 bagi September 2024," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2025 bagi kementerian itu di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Beliau berkata berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bagi tempoh 2011 hingga 2024 kadar kenaikan harga makanan dan minuman adalah dalam lingkungan dua hingga 5.7 peratus.

Rafizi berkata dengan merujuk kepada angka dan fakta itu, jangan ada pihak yang terlalu mudah untuk menuduh kerajaan memutar belit angka ekonomi sehingga wujud dakwaan kononnya harga barang



RAFIZI pada sesi ucapan penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2025.

naik 30 peratus.


Mengulas mengenai pembangunan dan pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) yang kononnya sudah menelan kos sehingga RM85 juta, beliau berkata dakwaan itu tidak benar sama sekali dan jumlah perbelanjaan sebenar hanya mencecah RM31 juta setakat September lepas.

"Jumlah itu merangkumi

pembelian perkakasan ICT seperti pelayan tembok api keselamatan rangkaian dan perkakasan komputer bernilai RM190,000, perisian ICT (RM4.6 juta), pengkomputeran awan dan pengujian sistem (RM6.4 juta).

"Yang mahal itu operasi pendaftaran pengguna yang kita terpaksa menggajikan kakitangan MySTEP untuk digerakkan ke seluruh negara," katanya.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

24/11/24: Larian Persahabatan Ke-50 Malaysia-China @ Dataran DBKL

24/11/24: 2XU Compression Run 2024 @ Padang Merbok

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara

11-12/1/25: KLPJ Wedding Fair @ KLCC



PUTRAJAYA

10-21/11/24: Majlis Sama' Hadith Sahih AL-Bukhari Peringkat Antarabangsa 2024 @ Masjid Putra

30/11/24: Ultron® Putrajaya Night Half Marathon @ Anjung Floria

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

16/11/24: Konsert HTH @ Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan

23 - 24/11/24: Karnival 50 Tahun MAIWP @ Dewan Konvensyen Ujana Kewangan

24/11/24: MAIWP FUN WALK @ Padang Dataran Labuan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**



Sidang Belia Wilayah Persekutuan ANGKAT SUARA ANAK MUDA

METRA SYAHRIL MOHAMED

DALAM ucapan penggulungan sempena Mesyuarat Kedua, Sidang Belia Wilayah Persekutuan (SBWP), Penggal 2024, Isnin lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menegaskan isu-isu yang dibahaskan setiap Ahli Yang Berhormat perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Biarpun dizahirkan oleh anak muda, menurutnya, ia mencerminkan realiti dan keperluan sebenar masyarakat secara keseluruhannya.

Untuk itu beliau menegaskan, ia menjadi asas penting dan rasional untuk meneruskan SBWP sebagai platform berwibawa, mengangkat suara dan hasrat generasi muda ke persada yang lebih tinggi.

Dari Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan, ia juga medan menyatukan anak muda di lapangan yang berbeza kehendak serta keperluannya.

Antara isu-isunya, pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok, apa nasib projek monorel Putrajaya sehingga kualiti hidup penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) di ibu negara, tak terkecuali menariknya apabila wakil Putrajaya membangkitkan cadangan mewujudkan teksi air bagi melengkapi sistem pengangkutan awam di pusat pentadbiran negara itu.

Hal demikian kerana tasik-tasik yang ada di Putrajaya itu perlu dimanfaatkan sepenuhnya dan mengelakkan berlakunya kesesakan lalu lintas di Putrajaya terutama isu tempat letak kenderaan, mungkin tidak hari ini tetapi pada masa mendatang.

Membuka bicara sesi penggulungan, Zaliha menghargai keprihatinan wakil belia terhadap isu Palestin yang jelas dizahirkan melalui pembentangan usul khas berkenaan pelucutan keanggotaan rejim zionis Israel daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Keputusan untuk meluluskan usul ini mencerminkan kesatuan

pendirian SBWP dalam menyuarakan sokongan terhadap hak-hak rakyat Palestin yang tertindas sejak berkurun lamanya.

"Sebagai tanda hormat kepada komitmen Ahli-Ahli Yang Berhormat, usul ini akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada pendirian rasmi Wilayah Persekutuan sejajar dengan langkah yang telah diambil oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 4 November lalu iaitu untuk menggesa penyingkiran Israel daripada PBB di atas pelanggaran berterusan terhadap undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia terhadap Palestin.

"Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Malaysia kini menyertai kumpulan utama yang menyediakan draf resolusi untuk dibentangkan di Perhimpunan Agung PBB (UNGA), yang bertujuan mendapatkan pendapat nasihat Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai obligasi Israel dalam membenarkan akses PBB dan agensi antarabangsa ke Palestin," katanya.

Sesi penggulungan itu dipengerusikan Ahli Parlimen Sungai Petani, Dr Mohammed Taufiq Johari selaku Speaker.

Mesyuarat kedua SBWP Penggal 2024 itu menyaksikan 16 usul dibentangkan, dengan 13 usul diterima dan tiga ditolak.

ISU MONOREL PUTRAJAYA

MENYENTUH mengenai isu monorel Putrajaya, Zaliha berkata ia sememangnya merupakan perkara yang tidak menjadi keutamaan kerajaan buat masa ini.

"Saya yakin ini bukan satu kebetulan, sebaliknya merupakan bukti kematangan fikiran Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam menilai keutamaan dan keberkesanan sesuatu cadangan demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara yang mampan.



"Walaupun projek monorel tidak diteruskan namun pihak Perbadanan Putrajaya (PPJ) telah meneliti usaha melakukan *re-purposed* bagi fasiliti di bawah projek monorel ini," katanya.

Menurut beliau, idea wakil Putrajaya supaya diperkenalkan teksi air merupakan idea yang baik.

"Nak menghidupkan semula projek monorel itu satu belanja yang besar. Kita setuju untuk melihat bagaimana kita perlu meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.

"Cadangan teksi air, kita perlu sediakan jeti-jeti untuk berlabuh dan ia memerlukan kajian dan bajet tertentu dan paling penting menggalakkan pegawai-pegawai kerajaan menggunakan pengangkutan awam," katanya.

LABUAN ASET PENTING

MENGENAI isu memperkasa Labuan sebagai Hab Digital Borneo dan membangunkan Sektor Ekonomi Biru melalui kerjasama dengan Sabah, Zaliha berkata beberapa langkah strategik telah digariskan.

Katanya, Labuan dengan kedudukannya yang strategik sebagai pusat perdagangan dan kewangan antarabangsa berpotensi besar untuk menjadi hab digital utama di rantau ini sekali gus menjadikannya pintu masuk ekonomi baharu bagi Malaysia.

"Rancangan Struktur Labuan

2040 yang dilancarkan pada Januari lalu menjadi panduan utama dalam merangka dasar pembangunan fizikal, ekonomi, alam sekitar dan sosial di Labuan.

"Dokumen ini telah menetapkan visi pembangunan Labuan menjelang 2040 dengan penekanan kepada pembangunan mampan dan berdaya saing," katanya.

Beliau turut menjawab persoalan dibangkitkan wakil Labuan mengenai projek pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok yang sudah sekian lama dipertanyakan.

Jelas Zaliha, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) akan menjalankan kajian mengenai projek itu dengan peruntukan sebanyak RM500,000.

Berkenaan potensi ekonomi biru di Labuan, katanya, ia mengambil kira kekangan yang dihadapi, Labuan memerlukan rakan strategik.

"Melalui kerjasama dengan Sabah, sektor ekonomi biru ini dapat dikembangkan termasuk inisiatif pemuliharaan marin dan peningkatan pelancongan serta pengangkutan laut, yang dapat merangsang peluang pekerjaan dalam pemprosesan makanan laut dan logistik. Sementara itu, penggunaan teknologi digital akan memperkukuh infrastruktur dan menambah nilai ekonomi biru melalui pengurusan sumber yang lebih efisien.

"Menyedari infrastruktur digital memerlukan bekalan elektrik yang

stabil, JWP telah menubuhkan Pasukan Khas bagi mengatasi isu asas seperti bekalan elektrik, air dan meningkatkan capaian Internet," katanya.

Beliau turut menegur seorang wakil Labuan yang mengeluarkan kata-kata ugutan berbunyi Jangan sampai Sabah ambil balik Labuan.

Untuk itu jelasnya, kenyataan berbau ugutan seperti ini tidak sepatutnya berlaku kerana Labuan berkongsi satu semangat, satu matlamat dengan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan tanpa Labuan, Wilayah Persekutuan tidak akan lengkap.

PPR KOMUNITI RENTAN DI KL

SEPERKARA menarik mengenai isu yang dibangkitkan adalah fokus membangunkan kualiti hidup penduduk di kawasan PPR.

Jelas Zaliha, golongan itu merupakan antara komuniti paling rentan di Kuala Lumpur dan sidang mencadangkan peluasan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) secara menyeluruh.

IPR merupakan inisiatif yang memerlukan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan juga Kementerian Ekonomi.

Ia bertujuan memperkukuh sokongan ekonomi bagi komuniti tersebut melalui tiga inisiatif utama iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN); Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

"Program IPR ini akan diteruskan sebagaimana yang disebut dalam ucapan Belanjawan 2025 oleh Perdana Menteri iaitu dengan peruntukan RM250 juta.

"Selain itu, pengenalan kursus kemahiran dan pendedahan kepada teknologi kecerdasan buatan (AI) adalah penting untuk memastikan penduduk PPR memperoleh kemahiran baharu yang relevan dengan perkembangan teknologi semasa," tambahnya. 



MAIMUNAH ketika menyampaikan ucapan di COP29, Baku.

Biaya tahunan tangani iklim melampau

PEMBIAYAAN tahunan secara konsisten dalam memelihara kawasan hijau serta kawasan hutan di dalam bandar raya membangun seperti Kuala Lumpur merupakan antara usaha untuk menangani iklim ekstrem yang melanda dunia ketika ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata setiap kerajaan tempatan perlu melabur di dalam sektor pengangkutan awam bagi mengurangkan jejak karbon yang merisikokan kawasan hijau sebagai *carbon sink*.

"Jika kita terus berinovasi untuk memastikan bandar kita boleh berjalan kaki dan melabur lebih kepada pengangkutan awam, kita boleh mengurangkan lagi pelepasan karbon."

"Untuk menyesuaikan diri dengan situasi iklim yang melampau, saya juga menyokong untuk lebih banyak penyelesaian berasaskan alam semula jadi termasuk mengembangkan konsep bandar span dan menjadikan pusat bandar sebagai hab biodiversiti dan mewujudkan BiodiverCities," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sebagai panel dalam forum bertajuk *Effort to Realize a Sound Material-Cycle Society through Multilevel Climate Action* di COP29, Baku, Azerbaijan pada Isnin.

Maimunah berkata menjelang tahun 2040, terdapat anggaran 1.3 bilion tan plastik yang mencemarkan udara, air dan makanan.

"Di sebalik cabaran ini, saya menganggap kita antara masyarakat yang bertuah hidup dalam bandar paling bertuah di rantau dunia yang aman," katanya.

Beliau turut memetik penyair Azeri Nizami Ganjavi dalam puisinya mengungkapkan kata-kata pada saat kesusahan jangan putus asa, kerana titisan hujan yang jernih juga berasal daripada awan yang gelap.

"Dalam kesusahan, kita boleh mencari peluang. Mari kita gali lebih dalam, dalam diri kita mencari kemahuan untuk memberi peluang kedamaian, berdamai dengan alam semula jadi dan berdamai dengan diri kita sendiri."

"Semua pihak perlu berganding bahu dengan melaksanakan tindakan konkrit serta meletakkan garis masa dan pembiayaan demi menyelamatkan bumi untuk masa kini dan generasi akan datang."

"Tanpa kerjasama dan pendekatan keseluruhan masyarakat, kita tidak boleh berharap untuk bertahan ke abad dan tahap seterusnya," katanya.

Beliau berkata setelah kembali ke Malaysia pada Februari tahun ini dan dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur, beliau mengesahkan masalah realiti cabaran perubahan iklim adalah sangat nyata.

"Kuala Lumpur seperti kebanyakan bandar di seluruh dunia, turut menghadapi cabaran lebih besar setiap hari," katanya.

Bekas Ketua Pengarah UN-Habitat itu turut menggesa semua negara anggota dan pemegang taruh serta pihak berkepentingan utama khususnya sektor perniagaan untuk bekerja secara kolaboratif dan mencari jalan untuk mengambil tindakan segera supaya menjadikan bumi sebagai tempat yang lebih baik daripada ketika kita mewarisinya.

Cadangan pemodenan Pasar Borong KL OPERATOR TIDAK PERLU BIMBANG

AZLAN ZAMBRY

PERSATUAN Pemborong dan Operator Pasar Borong Kuala Lumpur (GPPO) tidak perlu bimbang tidak dipanggil ke sesi libat urus berhubung cadangan pemodenan Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) berikutan kerajaan telah membatalkan keputusan melantik pemaju Syarikat Pasamas Jaya Sdn Bhd (PJSB).

Jaminan itu dinyatakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berikutan kegagalan syarikat tersebut menepati keperluan seperti yang telah ditetapkan.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak syarikat iaitu PJSB bagi meneliti dan menyemak skop pembangunan, tetapi pihak PJSB sehingga tarikh yang ditetapkan gagal menepati keperluan."

"Jadi perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Khas (JK OSC Khas) pada 23 Oktober 2024. Dan setelah mendengar dan mengambil kira pandangan daripada semua pihak yang terlibat di dalam JK OSC KHAS ini, kita telah bersetuju untuk membatalkan Surat Niat Cadangan Menambah Baik dan Memodenkan PBKL kepada PJSB kerana kegagalan untuk memuktamadkan keperluan pembangunan dalam tempoh masa yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi kamar khas berhubung Bantahan GPPO terhadap

Cadangan Projek Pembangunan Dan Pemodenan Pasar Borong Kuala Lumpur yang dibawa Datuk Dr Wee Jeck Seng (BN-Tanjong Piai) di Parlimen pada Rabu.

Menjelang lanjut, Zaliha berkata selanjutnya perkara ini akan diangkat untuk penyediaan kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bagi membatalkan keputusan MJM yang bertarikh 4 Ogos 2021 tersebut.

"Jadi pihak GPPO, bagi saya tidak perlu bimbang dengan tidak adanya libat urus oleh pihak syarikat sebelum ini dan kita untuk masa hadapan akan memastikan syarikat yang mungkin akan dipilih kemudian akan melakukan libat urus dengan GPPO," katanya.

Zaliha juga telah mengarahkan supaya DBKL meneruskan kerja-kerja penyelenggaraan di PBKL seperti baik pulih paip, longkang, saluran tersumbat dan penggantian lampu/*spotlight* di kawasan peniaga serta pembersihan *grease trap* dan juga rumah sampah.

"Infrastruktur jalan di sekitar PBKL juga akan diselenggara secara berperingkat seperti penurapan jalan dan baik pulih *interlocking pavers*," katanya.

Ujarnya, bagi tindakan jangka panjang, beliau juga telah mengarahkan pihak DBKL untuk melaksanakan kajian secara menyeluruh terhadap cadangan konsep pembangunan yang bersesuaian dengan aktiviti di sekitar Pusat Bandar Utara dan tidak hanya tertumpu kepada PBKL sahaja.

"Melalui kajian ini, hasrat untuk memodenkan kawasan Pusat Bandar Utara dapat direalisasikan dan pada masa yang sama diharap usaha untuk menangani masalah lambakan warga asing juga akan dapat dikurangkan," katanya.

Cadangan Menambah Baik dan Memodenkan Pasar Borong Kuala Lumpur di atas Lot 56737, Mukim Batu Dan Lot 296 Pekan Batu Caves, Kuala Lumpur ini secara dasarnya telah mendapat kelulusan melalui Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bertarikh 4 Ogos 2021 yang telah bersetuju supaya kelulusan prinsip diberikan kepada PJSB yang merupakan *Special Purpose Vehicle* (SPV) di bawah Syarikat Q Mastermind Sdn Bhd (QMSB) untuk melaksanakan cadangan pembangunan tersebut.

Walau bagaimanapun, cadangan pembangunan tersebut tertakluk kepada perbincangan lanjut antara Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan juga Kementerian Kewangan.

Cadangan Menambah Baik dan Memodenkan PBKL yang dicadangkan oleh PJSB secara asasnya mengandungi pembangunan satu blok bangunan baharu empat tingkat yang terdiri daripada lot-lot kedai, bilik sejuk beku dan tempat letak kereta serta melibatkan kerja-kerja penambahbaikan bangunan PBKL sedia ada yang menempatkan 448 peniaga dan pemborong seperti menukar bumbung, pembaikan lantai pasar, sistem perparitan dan pendawaian elektrik. Cadangan pembangunan ini akan melibatkan kos sebanyak RM153,046,080.



INFRASTRUKTUR jalan di sekitar PBKL juga diselenggara secara berperingkat.



PROGRAM Advokasi Kasih dan Budi menyantuni warga emas di Wilayah Persekutuan.



Sumbang Kit Peralatan Kesihatan

YWP SANTUNI WARGA EMAS

METRA SYAHRIL MOHAMED

BAGI memastikan warga emas tidak diketepikan khususnya dalam aspek penjagaan kesihatan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tampil bersama menganjurkan Program Advokasi Kasih dan Budi baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V. Kunhimohamed**, seramai 600 warga emas yang menyertai program berkenaan menerima Kit Peralatan Kesihatan.

Tidak ketinggalan katanya, YWP turut menyalurkan sumbangan bantuan khas kepada artis-artis

veteran melalui Persatuan Kebajikan Artis Legenda Malaysia.

"Antara artis veteran yang menerima sumbangan khas tersebut adalah Norlia Ghani yang popular dengan watak Joyah dan juga penyanyi era 70-an, Junainah M.Amin yang cukup terkenal dengan lagu Suasana Riang Di Hari Raya.

"Kami terlibat bersama membantu warga emas yang memerlukan bantuan termasuk pengaliran bersama program advokasi ini," katanya.

Ditanya mengenai bantuan khas kepada artis veteran, Abdul

Basir berkata ia berupa bantuan kewangan dan barangan keperluan serta kesihatan mereka.

Majlis Perasmian Program Advokasi Kasih dan Budi yang diadakan di Institut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) itu disempurnakan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Noraini Ahmad.

Turut hadir Pengarah Kebajikan Masyarakat Kuala Lumpur, Che Samsuzuki Che Noh; Pengarah Bahagian Warga Emas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Hezleen Hassan; Pengarah Jabatan

Kesihatan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Dr Nor'Aishah Abu Bakar serta Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Ahmad Ibnu Sina Termizi.

Terdahulu, YWP turut membuka reruai di ruang pameran IDB dengan menawarkan perkhidmatan pembaharuan Skim Prihatin selain mempromosikan Skim Pendidikan iaitu Bantuan Awal IPT & Dermasiswa IPTA.

Skim Prihatin memberi bantuan kewangan segera kepada keluarga bagi menguruskan kos

pengebumian dan perbelanjaan berkaitan.

Apabila terdapat ahli yang meninggal, waris perlulah membuat tuntutan dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh kematian dan cukup syarat.

Ketika ini lebih 50,000 ahli telah menyertai skim berkenaan untuk khairat kematian.

Bagi Skim Pendidikan pula, ia merupakan komitmen penting untuk YWP terus membantu pelajar melanjutkan pengajian ke universiti khususnya golongan berpendapatan rendah. 

Munshi Muda pemangkin bahasa

MENGUTAMAKAN

bahasa kebangsaan adalah asas penting dalam memupuk perpaduan dan jati diri sesebuah negara. Ia bukan sahaja berperanan sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai simbol identiti dan kebanggaan nasional yang menyatukan rakyat pelbagai kaum dan budaya.

Dalam memperkasakannya, seramai 163 kakitangan awam daripada pelbagai kementerian dan agensi menerima watakah pelantikan dan ditauliahkan sebagai Munshi Muda Bahasa bagi tahun 2023/2024 di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata dengan bertambahnya jumlah pegawai awam yang



NORFADHILAH



ZULKIFLI

menjadi pemangkin penggunaan bahasa kebangsaan yang betul maka mutu penggunaan bahasa Melayu semakin diperkasakan di kementerian, jabatan dan agensi masing-masing.

"Penggunaan bahasa Melayu dalam dokumen rasmi kerajaan perlulah menepati ejaan dan tatabahasa yang standard," ujarnya.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Datuk Mohd Shaiful Ibrahim yang turut merasmikan majlis tersebut baru-baru ini.

Salah seorang penerima watakah, **Norfadhilah Ahmad Mawawi** daripada Radio Televisyen Malaysia (RTM) merakamkan penghargaan kepada INTAN dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang menjadi penggerak bagi



SEKITAR Majlis Penyerahan Watakah Pelantikan dan Pentaullahan Munshi Muda Bahasa.

melahirkan perujuk bahasa Melayu. "Diharapkan lebih ramai lagi ditauliahkan sebagai Munshi Muda Bahasa pada masa akan datang sebagai usaha memperkasakan penggunaan bahasa Melayu dalam perkhidmatan awam," ujarnya.

Sementara itu, peserta terbaik keseluruhan, **Zulkifli Mohd Yusoff** dari Istana Negara berkata bahasa

Melayu ialah bahasa yang sangat halus dan indah yang merupakan cerminan jiwa insan.

"Penggunaan gaya bahasa yang tepat dapat menyampaikan hasrat tersirat dengan lebih cermat. Perhatian terhadap kaedah penggunaan kata, frasa dan ayat yang betul berupaya mengangkat imej dan kredibiliti perkhidmatan

awam," ujarnya.

Terdahulu, Program Munshi Muda Bahasa dimulakan sejak 2015 dengan kerjasama INTAN dan DBP yang menyaksikan penjawat awam mengikuti kursus bahasa Melayu serta perlu melepasi tahap penilaian kefahaman oleh DBP selain kursus pemantapan sebelum layak ditauliah. 



Bil 288 . 15-21 NOVEMBER 2024

Malaysia

negara bahagia

►►10-11

EKONOMI STABIL RAKYAT GEMBIRA

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

MALAYSIA menyaksikan peningkatan tahap kebahagiaan dalam kalangan rakyatnya bagi tempoh 2020 hingga 2023 melepasi tahap global tahun ini.

Berdasarkan Indeks Kebahagiaan mengikut negara, Malaysia berada pada tahap 77 peratus, lebih tinggi daripada purata 30 negara yang mencatatkan tahap 71 peratus.

Indeks Kebahagiaan Malaysia 2024 menunjukkan peningkatan 5.7 mata berbanding lima tahun sebelum ini iaitu daripada 81.24 peratus pada 2019 kepada 86.94 peratus pada 2024.

Malaysia menduduki tempat ke-59 secara global dengan Indeks Kebahagiaan sebanyak 5.975 di belakang negara ASEAN lain seperti Singapura, Filipina



NURUL AISHAH

dan Vietnam tetapi mengatasi Indonesia, Laos, Myanmar dan Kemboja.

Menurut Pensyarah Komunikasi Liberal Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Ts Nurul Aishah Ab Raman**, prestasi yang

ditunjukkan negara ini adalah penting untuk ditekuni makna di sebaliknya kerana ukuran nilai kebahagiaan jelas satu refleksi kepada keadaan ekonomi negara sihat.

“Ianya sekali gus dapat membasmi segala tanggapan negatif sesetengah pihak yang mendakwa rakyat menderita di bawah pentadbiran kerajaan sedia ada.

“Tentunya banyak faktor yang menyumbang kepada hasil dapatan

tersebut. Tetapi kita boleh runtkaikan antara penyebab kepada tingginya tahap kebahagiaan dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding negara jiran di ASEAN adalah kerana pendapatan dan ekonomi yang stabil.

“Salah satu faktor utama yang dinilai dalam Indeks Kebahagiaan ini adalah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) perkapita yang mencerminkan kestabilan ekonomi dan tahap pendapatan rakyat.

“Malaysia memiliki ekonomi yang berkembang pesat dengan infrastruktur yang lebih baik berbanding beberapa negara ASEAN lain,” ujarnya.

Beliau berkata pendapatan yang lebih tinggi membolehkan rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang lebih baik, dengan akses kepada perumahan yang selesa, pendidikan berkualiti dan perkhidmatan kesihatan yang berkesan yang mana hal ini menyumbang kepada tahap kebahagiaan yang lebih tinggi.

“Seterusnya adalah sokongan sosial. Malaysia dikenali sebagai negara yang memiliki jaringan sosial yang kuat dalam kalangan masyarakatnya. Sokongan sosial yang meluas dalam kalangan keluarga, komuniti dan rakan sekerja dari segi emosi dan bantuan fizikal amat diperlukan terutamanya ketika berhadapan dengan kesulitan atau cabaran,” ujarnya.

Dalam masa sama, Nurul Aishah berkata faktor kebebasan dalam membuat keputusan sendiri berkaitan dengan kehidupan seseorang turut mempengaruhi tahap kebahagiaan individu.

“Rakyat Malaysia mempunyai kebebasan yang tinggi untuk memilih pekerjaan, pendidikan serta gaya hidup yang mereka inginkan.

“Kebebasan ini mencerminkan sebuah negara yang lebih terbuka dan inklusif di mana rakyatnya boleh berusaha mencapai aspirasi mereka tanpa sekatan yang berat.

“Selain itu, jangka hayat yang sihat. Kesihatan merupakan salah satu faktor penting dalam Indeks Kebahagiaan. Rakyat Malaysia menikmati jangka hayat yang agak tinggi berbanding beberapa negara ASEAN lain.

“Dengan purata jangka hayat pada 76.58 peratus ketiga tertinggi di Asia Tenggara pada tahun ini, jelas cerminan kepada budaya hidup yang sihat. Sistem penjagaan kesihatan di Malaysia adalah



lebih baik dan boleh diakses oleh kebanyakan rakyat yang seterusnya menyumbang kepada kebahagiaan rakyat.

“Kualiti hidup yang baik, disokong oleh perkhidmatan kesihatan yang mampu milik dan mencukupi membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan yang lebih sihat dan memuaskan,” ujarnya.

Di samping itu, beliau berkata faktor lain seperti persepsi yang lebih rendah terhadap rasuah juga harus diambil kira kerana rasuah merupakan isu yang sering memberi kesan negatif kepada kesejahteraan rakyat.

“Malaysia telah berusaha untuk mengurangkan kadar rasuah melalui pelbagai inisiatif dan undang-undang, yang telah memperbaiki persepsi rakyat terhadap kerajaan dan sektor awam.

“Apabila rakyat mempunyai keyakinan terhadap keadilan dan kecekapan sesebuah institusi kerajaan, mereka lebih mudah berasa bahagia dan selesa. Ini adalah kerana mereka tidak merasa terabai atau terjejas oleh ketidakadilan yang mungkin timbul daripada amalan rasuah.

“Lain-lain faktor adalah kepedulian sosial. Budaya saling membantu dan kemurahan hati rakyat Malaysia juga mempengaruhi tahap kebahagiaan.

“Sikap saling menyayangi, bantuan komuniti dan aktiviti amal meningkatkan rasa kebersamaan dalam masyarakat antaranya aktiviti sukarela, bantuan kemanusiaan dan tindakan sosial mewujudkan ikatan sosial yang lebih kuat,” ujarnya.

KESEJAHTERAAN TERPELIHARA

SELAIN itu, Indeks Kebahagiaan dalam kalangan golongan muda dan warga emas juga berada dalam keadaan yang baik.

Berdasarkan data, golongan muda di Malaysia (usia bawah 30) berada di kedudukan ke-64 global dengan Indeks Kebahagiaan sebanyak 6.372 manakala warga

emas (usia 60 ke atas) pula berada di kedudukan ke-71 dengan indeks 5.418.

Nurul Aishah berkata kebahagiaan golongan muda yang lebih tinggi mungkin disebabkan oleh peluang yang lebih tinggi dalam aspek pendidikan, kerjaya dan teknologi manakala bagi warga emas, sokongan sosial dan jaminan kesihatan memainkan peranan dalam membantu mereka merasa lebih bahagia walaupun menghadapi cabaran usia lanjut.

“Secara keseluruhannya, Malaysia menduduki tempat yang agak tinggi dalam kalangan negara ASEAN dari segi Indeks Kebahagiaan berbanding negara-negara jiran kerana beberapa faktor penting seperti kestabilan ekonomi, sokongan sosial yang kukuh, kebebasan dalam membuat pilihan hidup, kesihatan yang baik, persepsi yang rendah terhadap rasuah dan kemurahan hati.

“Kombinasi faktor-faktor ini mencerminkan usaha Malaysia dalam meningkatkan kesejahteraan rakyatnya sekali gus menjadikan Malaysia sebagai antara negara ASEAN yang lebih bahagia.

“Ibarat sebuah keluarga, Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan penuh adab ketimuran amat menghormati sebuah institusi kekeluargaan,” ujarnya.

Beliau berkata kejayaan sebuah negara harus bermula dengan institusi keluarga. Perasaan kasih sayang yang disemai dalam satu unit kecil dapat memberikan impak kepada pembentukan masyarakat yang penyayang dan penuh ihsan.

“Apabila kebahagiaan itu digapai, ia dapat memotivasikan diri untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat sekali gus negara dapat memperkasakan pembangunan modal insan, rakyat yang bertanggungjawab serta negara yang sejahtera.

“Pentadbiran dan tatakelola yang baik, jelas segala inisiatif kerajaan sehingga kini semakin membuahkan hasil dalam membentuk satu masyarakat MADANI,” ujarnya. 17

NEGARA ASEAN PALING BAHAGIA

Berdasarkan Laporan Kebahagiaan Dunia 2024

- Berasaskan penilaian individu terhadap kehidupan mereka dari tahun 2021 hingga 2023.
- Pakar menganalisis data berdasarkan faktor utama berikut:



Jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar



Sokongan sosial



Jangka hayat sihat



Kebebasan hidup



Persepsi tentang rasuah




Kemurahan hati

Data dikumpulkan dari Bank Dunia, Organisasi Kesihatan Sedunia dan Gallup World Poll

KEDUDUKAN GLOBAL	NEGARA	INDEKS KEBAHAGIAAN
30	Singapura	6.523
53	Filipina	6.048
54	Vietnam	6.043
58	Thailand	5.976
59	Malaysia	5.975
80	Indonesia	5.568
94	Laos	5.139
118	Myanmar	4.354
119	Kemboja	4.341

INDEKS KEBAHAGIAAN MALAYSIA 2024



Belanjawan 2025 bawa senyuman

KEBANYAKAN penjawat awam ketika ini dapat menarik nafas lega kerana mereka bakal menikmati kenaikan gaji sebanyak 15 peratus iaitu kadar tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam negara, mulai penghujung tahun 2024 yang mana sebelum ini jumlah paling tinggi kenaikan gaji ini adalah pada kadar 13 peratus.

Menurut Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (UM), **Dr Nurul Huda Hamzah**, meskipun kenaikan gaji ditawarkan namun penjawat awam mesti terus berusaha dalam meningkatkan taraf hidup mereka dan antaranya adalah dengan meningkatkan taraf pendidikan.

“Mengambil kira cabaran di mana tahap pendapatan dan simpanan wang yang mungkin terhad, melanjutkan pengajian boleh membuka peluang kepada pekerjaan yang lebih baik dengan pendapatan yang jauh lebih tinggi pada masa hadapan.

“Beberapa langkah boleh dipertimbangkan oleh penjawat awam antaranya dengan mendapatkan biasiswa dan pinjaman pendidikan. Jika bantuan biasiswa berjaya diperolehi, sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban kewangan dan membolehkan mereka fokus pada pengajian,” katanya.

Nurul Huda berkata penjawat awam juga boleh

mempertimbangkan untuk menyambung pengajian secara sambilan atau melalui program dalam talian di mana ia membolehkan mereka untuk terus bekerja sambil belajar dan kosnya mungkin jauh lebih rendah berbanding program sepenuh masa.



NURUL HUDA

“Selain itu, mereka boleh memilih untuk menguruskan kewangan yang bijak dengan kaedah menabung, membuat pinjaman bank dan mempertimbangkan bantuan majikan melalui bantuan kewangan serta program pinjaman pengajian yang ditawarkan,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam UM, **Dr Hanira Hanafi** berkata kerajaan turut memberi tumpuan terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) di negara ini.

“Ia jelas apabila Belanjawan 2025 dibentangkan, pelbagai bantuan perniagaan, pekerjaan, pendidikan, inisiatif percukaian dan kesejahteraan komuniti OKU serta kebajikan dan pendidikan anak-anak autistik diberi tumpuan.

“Antaranya kemudahan pinjaman dan jaminan pembiayaan, insentif buat majikan yang mengambil OKU bekerja, membina Pusat PERMATA baru di setiap negeri dan banyak lagi.

“Secara keseluruhan, Belanjawan 2025 Kerajaan Madani menekankan komitmen terhadap golongan OKU dengan pelbagai inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan penglibatan mereka dalam masyarakat selaras dengan objektif Dasar Orang Kurang Upaya serta mencerminkan usaha berterusan kerajaan untuk memastikan golongan OKU menerima sokongan yang diperlukan untuk menyertai dan menyumbang kepada pembangunan negara,” katanya.

Kesimpulannya, pencapaian Malaysia dalam menjadikan negara bahagia dan rakyatnya gembira agak baik di mana Malaysia menyaksikan peningkatan tahap kebahagiaan dalam kalangan rakyatnya yang mantap bagi tempoh 2020 hingga 2023, melepasi tahap global tahun ini, menurut syarikat penyelidikan pasaran Ipsos.

Ia dapat dilihat menerusi fokus serta inisiatif yang dilaksana kerajaan terhadap pembangunan ekonomi, menyediakan pendidikan berkualiti, infrastruktur serta kemudahan awam yang cekap dan berkualiti.



HANIRA

Residensi MADANI beri sinar baharu

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada masa ini lebih ingin menumpukan kesejahteraan rakyat berbanding projek-projek pencakar langit.

Pegawai Tugas-Tugas Khas di Pejabat Perdana Menteri, Unit Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Tempatan, **Bryan Lew** berkata Perdana Menteri juga mahu memastikan rakyat terutama golongan B40 dan M40 mampu membeli rumah pertama mereka.

“Apa-apa projek mesti tumpu kepada kesejahteraan rakyat. Sekarang rakyat susah nak beli rumah sebab berbanding harga rumah seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) atau Projek

Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) lebih mahal iaitu RM300,000 ke RM350,000,” katanya.



BRYAN

Menurut Bryan rumah Residensi MADANI harganya RM200,000 dan keluasan 800 kaki persegi serta mampu dibeli oleh golongan B40 dan M40.

“Cari mana-mana rumah di Kuala Lumpur dan Putrajaya ada tak dapat harga RM200,000 dengan keluasan 800 kaki persegi.

“Kalau ada pun rumah studio. Kerajaan tumpu untuk kesejahteraan rakyat dan supaya golongan B40 dan M40 dapat beli rumah pertama mereka dengan

senang,” katanya.

Sementara itu, Bryan berkata projek rumah mampu milik di Residensi MADANI terutama di Putrajaya juga membolehkan penjawat awam untuk membelinya.

“Mereka sudah lama kerja di situ dan kebanyakan tinggal di kuarters kerajaan atau Projek Perumahan Rakyat (PPR).

“Bukan tak nak galakkan mereka duduk kuarters atau PPR tetapi nak galakkan mereka senang dapat beli rumah.

“Manakala untuk mereka yang bekerja di Kuala Lumpur, kebanyakan mereka duduk di Rawang dan Kajang. Jadi penat untuk ulang dan alik. Jadi jika membeli rumah Residensi MADANI Kuala Lumpur maka mereka dapat singkatkan masa perjalanan ke tempat kerja,” katanya.

DIDIK PENGGUNA JADI BIJAK

SHUAIB AYOB

SEMAKIN canggih teknologi maklumat pada hari ini bermakna semakin ramai pengguna yang terdedah kepada ancaman penipu (*scammer*) dalam talian.

Menyedari peri pentingnya ilmu pendidikan untuk menjadi pengguna yang bijak, maka YWP Media Sdn Bhd dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam menganjurkan Forum Keselamatan Dalam Talian.

Bertempat di Studio TV Fakulti FKPM, forum yang menampilkan penyampai radio popular, Fara Fauzana sebagai moderator

memberi pendedahan cara menangani penipuan dalam talian kepada lebih 150 orang pelajar yang hadir.

Antara ahli panel terlibat, Pengerusi YWP Media Sdn Bhd, Datuk Afdlin Shauki Aksan; Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersil Putrajaya, Asisten Superintendan (ASP) Rastam Affendi Md Ramli; Pengarah (Kawal Selia) MCMC Selangor, Mohamad Syukri Jamaluddin dan tetamu khas, Pensyarah Kanan UiTM, Dr Anuar Ali.

Wilayahku berkesempatan berkongsi momen menarik sepanjang berlangsungnya forum yang begitu memberi manfaat kepada tetamu yang rata-ratanya pelajar FKPM dan Instructional Communication, Melaka. 





TERAPI DI HUTAN PAYA BAKAU

KHAIRUL IDIN

DISEBALIK keindahan pulau yang kaya dengan sumber kehidupan marin dan pemandangan pantai yang mendamaikan, Labuan turut diserikan dengan Taman Ekologi Paya Bakau Kinabenuwa yang menjadi tumpuan pelancong khususnya pencinta alam semula jadi.

Terletak kira-kira tujuh kilometer dari pusat bandar, lokasi tersebut menyajikan keindahan alam menerusi suasana eksotik hutan paya bakau.

Berkeluasan lebih 60 hektar, ia diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) oleh kerajaan sekali gus menjadi salah satu pusat tumpuan ekopelancongan yang merangsang ekonomi tempatan.

Dibuka semula selepas projek pembangunan fasa 2 pada September lalu, kini lokasi tersebut berwajah baharu dengan menampilkan pembangunan infrastruktur yang lebih menarik kepada pengunjung khususnya pelancong luar.

Jika berpeluang ke sini, pasti sesiapa sahaja terpuakau dengan keindahan rimbunan pokok bakau yang unik diselang-seli kicauan burung pelbagai spesies yang memberi ketenangan jiwa.

Di lokasi tersebut, pengunjung boleh melihat dan mengenali kira-kira 16 spesies pokok bakau daripada tujuh jenis yang berbeza antaranya Bakau Minyak, Bakau Kurap dan Bakau Gedabu.

Menelusuri kawasan tersebut, anda berpeluang meniti jambatan yang berlatarbelakangkan Sungai Kinabenuwa yang tenang sambil berswafoto bersama keluarga dan rakan.

Penat mengelilingi kawasan tersebut, jangan risau di kawasan ini terdapat dua buah gazebo dan tiga pondok perhentian untuk anda berehat seketika.

Seorang pengunjung, **Sam Kok Kiong** mengakui begitu teruja dengan keindahan alam semula jadi yang memberikan ketenangan kepada emosinya setelah penat bekerja.

Ujarnya, selain daripada itu, lokasi tersebut turut mengingatkannya kepada kampung halaman di Sabah.

"Ini merupakan lokasi yang kerap saya kunjungi setiap minggu jika berkelapangan. Selain suasana yang tenang, saya sering memancing," ujarnya

kepada Wilayahku.

Dalam pada masa sama, dia sempat berpesan kepada para pengunjung untuk bersama-sama menjaga kemudahan yang disediakan dengan menjauhi vandalisme.

"Gunakan sebaiknya untuk manfaat bersama memandangkan lokasi ini merupakan salah satu tarikan pengunjung ke Labuan,"

ujarnya yang merupakan seorang penjawat awam.

Bagi **Erna Gitong**, keadaan Taman Paya Bakau sebelum ini agak lusuh dan usang namun setelah diberi nafas baharu menjadikan ia salah satu lokasi tumpuannya bersama keluarga terutamanya pada hujung minggu.

"Ini merupakan kali pertama saya dan keluarga datang selepas ia ditutup sementara untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf. Saya lihat kemudahan yang ada bagus dan selesa.

"Apa yang menarik perhatian, turut disediakan satu kawasan untuk berkelah yang memberi ruang lebih selesa dan selamat kepada pengunjung berkelah di kawasan ini," ujarnya.

Erna turut mencadangkan kepada pihak berwajib agar membuka tapak jualan di kawasan tersebut untuk memberikan kemudahan kepada pengunjung dari segi makanan dan minum.

"Cadangan saya, bagi memeriahkan lagi kawasan ini, mungkin pihak berkenaan boleh mewujudkan beberapa kiosk untuk pengunjung mendapatkan minuman dan makanan ringan. Saya rasa jika adanya kemudahan tersebut, pasti akan menarik lebih ramai ke sini," ujarnya. 



KOK KIONG



ERNA



Alamat: Taman Ekologi Paya Bakau Kinabenuwa,
Jalan Kinabenuwa, Labuan
Waktu operasi: Setiap hari
Masuk: Percuma

DUA PERMATA PENGGAJIAN MELAYU DARI MALAYSIA

DR AHMAD ZAHIRUDDIN MOHD ZABIDI

PROFESOR Diraja Tan Sri Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah dua tokoh yang membawa impak besar dalam dunia Pengajian Melayu di Malaysia dan Universiti Malaya khususnya malah pengaruh mereka turut merentasi perbatasan Malaysia.

Sumbangan dan pandangan mereka bukan sahaja mengubah landskap pendidikan tinggi Melayu di negara ini tetapi juga membentuk cara masyarakat melihat dan memahami pengajian Melayu dalam kerangka yang lebih holistik dan mendalam.

Sejarah tercipta pada 23 Oktober 2024 bersamaan 20 Rabiulawal 1446H yang lalu apabila

Syed Muhammad Naquib dimasyhurkan sebagai Profesor Diraja Terhormat. Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan pelantikan tersebut di Istana Negara.

Turut hadir dalam majlis khas tersebut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zaini Ujang.

Pemikir falsafah dan wadiah keilmuan Melayu, Syed Muhammad Naquib adalah figura penting yang mengangkat Pengajian Melayu dan Islam dalam konteks akademik yang mendalam dan kritikal. Beliau dikenali kerana pemikiran falsafahnya yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia terutamanya dalam hal mendefinisikan adab dan ilmu sebagai tunjang peradaban Melayu-Islam.

Di Universiti Malaya, beliau memperkenalkan gagasan-gagasan penting yang menjadikan Pengajian Melayu lebih daripada sekadar kajian bahasa dan budaya; beliau mengaitkannya dengan falsafah,



Foto: Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar

SULTAN Ibrahim (kiri) dan Anwar (kanan) bersama Syed Muhammad Naquib pada majlis pengurniaan watikah pelantikan Profesor Diraja di Istana Negara.

tasawuf dan konsep ilmu yang mendalam dalam Islam.

Konsep Islamisasi Ilmu yang dibawa oleh beliau menekankan pentingnya melihat ilmu dari perspektif yang berintegrasi dengan nilai-nilai Islam dan bukan hanya mengikut acuan sekular. Ini memberi pengaruh besar kepada perkembangan Pengajian Melayu kerana ia mengajak para akademik dan pelajar untuk melihat ilmu sebagai alat pengembangan sahsiah dan moral.

Di samping itu, beliau juga banyak menulis mengenai makna peradaban dan konsep-konsep kunci yang menyokong falsafah Melayu seperti hikmah, ta'dib (pendidikan adab) dan akhlak.

Pandangan beliau telah membuka ruang untuk wacana baharu dalam memahami warisan Melayu-Islam yang lebih kompleks dan bernuansa berbanding sekadar melihatnya dari sudut sejarah atau linguistik semata-mata.

PENDUKUNG BAHASA SERTA BUDAYA

ANWAR pula selaku seorang pemimpin politik yang juga pernah menjadi mahasiswa Universiti Malaya adalah seorang penyokong tegar bahasa dan budaya Melayu.

Ketika masih bergelar pelajar di universiti, beliau sudah pun menunjukkan kecenderungan yang kuat terhadap perjuangan kebudayaan dan sosial. Aktivisme Anwar dalam mempromosikan bahasa Melayu dan kesedaran budaya menjadi sebahagian penting daripada identiti beliau yang diteruskan hingga ke hari ini.

Anwar sering menekankan pentingnya bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang harus dipertahankan dan dimartabatkan. Walaupun beliau dikenali sebagai ahli politik, sokongannya terhadap perkembangan Pengajian Melayu dan nilai-nilai tradisional tidak pernah pudar.

Beliau melihat bahasa dan budaya Melayu sebagai salah satu asas pembinaan bangsa yang perlu disemai dalam kalangan generasi muda terutama di institusi pendidikan seperti Universiti Malaya.

Kecenderungan beliau untuk menyatukan elemen-elemen budaya Melayu dalam platform politik dan pendidikan membawa naratif bahawa ilmu dan budaya Melayu bukan sahaja berkait rapat dengan identiti bangsa tetapi juga penting dalam proses pembangunan negara.

Sinergi Pemikiran Syed Muhammad Naquib dan Anwar dalam Pengajian Melayu walaupun dari latar belakang yang berbeza, berkongsi satu persamaan iaitu kedua-duanya memperjuangkan nilai dan budaya Melayu dalam kerangka yang menekankan kepentingan nilai etika dan moral.

Di Universiti Malaya, pengaruh kedua-dua tokoh ini menjadikan Pengajian Melayu lebih luas dan mendalam, melampaui hanya kajian bahasa dan kesusasteraan. Sinergi antara falsafah keilmuan Syed Muhammad Naquib dan komitmen sosiopolitik Anwar menjadikan Pengajian Melayu satu bidang yang kukuh

dalam menegakkan jati diri kebangsaan dan menyumbang kepada pembangunan nilai.

Kesan pemikiran kedua-dua tokoh ini membawa kepada penubuhan pusat-pusat penyelidikan dan program-program akademik yang lebih berfokus kepada kajian Melayu dalam perspektif kebangsaan, keagamaan dan antarabangsa.

Universiti Malaya yang menjadi pusat pemikiran ini terus menjadi tempat lahirnya intelektual-intelektual Melayu yang berdaya saing dan mampu mengangkat pemikiran Melayu ke peringkat global.

LEGASI BERTERUSAN DALAM PENGGAJIAN MELAYU


SYED Muhammad Naquib dan Anwar meninggalkan warisan berharga dalam bidang Pengajian Melayu yang terus subur dan relevan hingga hari ini. Kedua-duanya membuktikan bahawa bahasa, budaya dan nilai-nilai Melayu bukan sekadar warisan tetapi adalah asas yang memperkuat identiti kebangsaan dan membentuk masyarakat yang beretika serta bermoral.

Peranan mereka dalam Universiti Malaya memperlihatkan bahawa bidang Pengajian Melayu tidak harus dihadkan oleh dinding akademik semata-mata tetapi perlu terus berinteraksi dengan masyarakat dan dunia yang lebih luas.

Menerusi perspektif Syed Muhammad Naquib dan Anwar, Pengajian Melayu bukan sahaja bersifat retrospektif iaitu mengenang sejarah dan tradisi tetapi juga proaktif dalam menyediakan bangsa untuk menghadapi cabaran masa depan dengan berpegang teguh pada nilai adab dan etika.

Warisan mereka di Universiti Malaya dan dalam jiwa generasi muda Melayu menjadi bukti hidup bahawa Pengajian Melayu masih relevan dan akan terus menjadi permata yang bersinar dalam pendidikan dan peradaban Malaysia.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



Prof. Syed Naquib (kiri) dan Sdr. Anwar Ibrahim: "Peradaban Islam adalah suatu peradaban yang turut menentukan sejarah dunia."

KU SEMAN KU HUSSAIN

KUALA Lumpur umpama gelanggang yang mempertarungkan golongan marginal yang serba terencil dengan persekitaran dan tuntutan hidup yang amat mencabar. Sekalipun penuh cabaran, sebahagian besar dalam golongan itu sanggup berdepan dengan semangat dan keazaman hidup yang tinggi.


PENULIS BEBAS

Dalam keadaan yang sedemikian juga, Kuala Lumpur terus menjadi tumpuan pendatang dari segenap pelosok untuk datang mencari rezeki. Dengan kelas marginal yang dipegang mereka seperti telah bersedia dengan ujian

hidup yang besar untuk mencari secebis rezeki

yang terhampar di kota ini.

Disebabkan itu mereka terpaksa berjuang dengan kudrat dan sanggup berpanas dan berhujan demi kelangsungan hidup. Masa yang sama mereka amat realistik dengan resam hidup dalam kelas sosial yang rendah, cabaran dan halangan menjadi prasyarat yang mesti direntas.

Semangat dan keazaman sebahagian besar dalam golongan marginal itu yang menentukan kelangsungan hidup mereka di Kuala Lumpur. Kalau orang lain kerap mengulang-ulang bahawa hidup ini keras, mereka itulah yang lebih faham tentang kerasnya kehidupan yang dilalui.

Maka kalau kita mahu mengenal makna kehidupan khususnya di Kuala Lumpur, keazaman golongan itulah yang sewajarnya menjadi cerminan yang boleh diangkat sebagai inspirasi. Keazaman golongan marginal atau kelas bawah itu adalah suatu yang sangat menginspirasi sesiapa sahaja yang mahu menikmati hidup.

Sekalipun hidup itu mudah tetapi cabaran dalam menjalani kehidupan sebagai golongan marginal adalah berganda sukarnya. Mereka tidak punya apa-apa sandaran melainkan upaya daripada kudrat dan keazaman. Mereka tidak ada kuasa untuk dijadikan sebagai tawar-menawar seperti golongan yang lebih tinggi aras sosial dan ekonominya.

Mereka perlu meredah semua susah payah dan rintangan dengan tekad yang tidak mudah digugat oleh sesiapa atau apa-apa keadaan sekalipun. Itulah pelajaran kehidupan yang boleh kita tumpang daripada mereka yang


SESEKALI golongan atasan juga perlu mengutip inspirasi kehidupan daripada golongan bawahan. – Gambar hiasan

INSPIRASI DARIPADA GOLONGAN BAWAHAN

diuji dengan penuh getir.

Golongan marginal bukan sahaja tidak ada kuasa malah mereka sendiri pun terpinggir disebabkan segmentasi sosial yang ditentukan oleh status ekonomi antara kelompok dengan yang lain. Lalu golongan bawahan itu hanya menggunakan kudrat dan semangat untuk melawan keadaan sedemikian.

Selalunya kita disaran supaya menjadikan individu yang berjaya dalam kehidupan terutama di sudut ekonomi sebagai suri teladan atau sumber inspirasi. Tujuannya dengan harapan dapat mengikut jejak berkedudukan yang tinggi dalam kehidupan dan masyarakat.

Sekalipun begitu, untuk mendapatkan sesuatu yang menginspirasi dalam kehidupan adalah dengan mengamati tekad hidup golongan bawahan. Itulah ilmu kehidupan yang sebenarnya melihat perjuangan hidup yang tidak pernah lelah.

Tidak ada salahnya meraikan orang yang

berjaya dengan memetik sisi yang membina untuk diteladani dengan harapan boleh menjelakinya. Bagaimanapun inspirasi datang daripada berbagai-bagai rupa dan yang paling banyak boleh dipelajari adalah daripada golongan yang banyak berjuang untuk hidup.

Orang yang sudah berada di puncak kejayaan hanya mampu bercakap mengenai zaman lampaunya yang penuh sukar. Bagaimanapun hal itu tidak sama dengan melihat sendiri pahit maung orang bawahan bertarung untuk hidup.

SUMBER INSPIRASI

PERJUANGAN hidup golongan bawahan terutama di kota besar sering kali bermula dari lingkungan yang sukar. Kesukaran itu adalah kehidupan mereka. Itulah bezanya dengan yang golongan yang jauh lebih baik kedudukan sosialnya yang boleh bermalasan kerana ada dukungan ekonomi yang kuat.

Misalnya golongan elit yang mempunyai kekayaan yang boleh menyara hidup selama tujuh keturunan selepas mereka. Individu dalam golongan itu tidak banyak yang memahami makna kehidupan keras yang dialami oleh golongan bawahan.

Malah kurang mengerti deritanya apabila tidak ada yang hendak dimakan, berbanding golongan elit yang sudah jemu makan juadah yang enak-enak hingga tidak tahu apa yang hendak dimakan.

Perjuangan hidup golongan bawahan itu amat menginspirasi kita, terutama sekali daripada sudut kegigihan dan ketabahan. Disebabkan tidak mempunyai akses pada pelbagai peluang, semangat dan tekad terus berjuang demi kehidupan boleh dijadikan teladan.

Mereka berdepan dengan kemiskinan, mungkin diskriminasi dan kekurangan peluang tetapi semangat dan azam untuk hidup tidak pernah padam. Semangat dalam menghadapi cabaran hidup menjadi suatu yang wajar dicontohi sekalipun kita tidak berada dalam tekanan keadaan yang sebenar.

Melalui kisah-kisah keperitan golongan bawahan itu membolehkan kita belajar untuk menghargai setiap detik kehidupan dan bersyukur atas apa yang kita miliki. Dengan

melihat contoh daripada perjuangan hidup golongan bawahan di kota besar, kita juga pasti terdorong untuk tidak mudah menyerah saat menghadapi cabaran.

Kehidupan golongan itu tidak sahaja membangkitkan rasa empati, tetapi juga menjadi sumber inspirasi bagi kita untuk menghadapi tentangan hidup dengan semangat juang yang tinggi. Daripada meratapi nasib, banyak individu dari golongan ini memilih untuk bangkit dan berjuang menghadapi segala rintangan.

Kehidupan golongan bawahan sering kali dipenuhi dengan kekurangan, keterbatasan dan perjuangan yang tidak mudah. Mereka sudah biasa dengan keadaan yang memaksa bekerja keras setiap hari demi menyara kehidupan keluarga.

Dalam keadaan seperti itu kesedaran akan pentingnya etika kerja dan integriti tidak pernah terpinggir malah menjadi semakin kuat. Pengalaman itu membuatkan mereka belajar untuk menjadi lebih sabar dan tahan uji untuk menikmati dengan sedalamnya pada setiap rezeki kecil yang dimiliki.


Kesedaran yang dipetik dari kehidupan golongan bawah ini merupakan cerminan kekuatan yang muncul dari keterbatasan dan tekanan. Mereka boleh dijadikan teladan untuk memahami bahawa hidup bukanlah sekadar mencari kekayaan tetapi juga tentang bagaimana kita menghadapi ujian.

Dengan belajar dari kesedaran yang terinspirasi dari kehidupan golongan bawahan, kita dapat menjadi lebih berempati, bersyukur dan lebih menikmati kehidupan ini. Hidup memang penuh dengan ujian, bagaimanapun dengan semangat yang tinggi dan kesedaran yang mengukuh, semua halangan mampu direntas dengan sebaik-baiknya.

Sesekali golongan atasan juga perlu mengutip inspirasi kehidupan daripada golongan bawahan. Banyak yang boleh dimanfaatkan dengan kuasa, kedudukan sosial dan ekonomi yang tinggi dan amat kukuh. Hal itu kerana kerap kali juga keadaan selesa boleh membuatkan kita hilang perjuangan untuk menikmati hidup yang sebenarnya.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO


Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:

Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

LIHAT, RASA DAN PERCAYA

ZULKIFLI SULONG

MINGGU lalu saya pulang ke kampung di Kuala Terengganu. Sepanjang perjalanan dari Rawang, Selangor ke Kuala Terengganu, saya melalui Selayang, Gombak di Selangor, terus ke lebuh raya Karak, melalui Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) iaitu Temerloh, Maran dan Kuantan seterusnya ke Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) melalui Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu dan Kuala Terengganu.

Apa yang paling menarik adalah sepanjang perjalanan itu penuh dengan kerja-kerja menurap jalan.

Ada yang sudah menyelesaikan kerja-kerja menurap jalan tetapi belum menyelesaikan garisan jalan, ada juga yang sudah selesai sepenuhnya dan tidak

kurang juga yang masih dalam kerja-kerja penurapan.

Saya bertanya kepada dua rakan saya, apakah fenomena ini juga berlaku di kawasan masing-masing.

Rakan saya yang datang ke pejabatnya di Kuala Lumpur saban minggu dari sebuah kawasan Felda di Pahang untuk bermesyuarat juga memberitahu perkara yang sama.

"Maran, Temerloh bahkan juga sekitar Gombak, saya jumpa banyak sekali jalan yang sedang atau baru diturap, baik di lebuh raya apatah lagi jalan negeri dan kampung.

"Saya rasa ini petanda kerajaan mempunyai duit sekarang," kata beliau sebagaimana yang dilaporkan oleh Harapandaily.com, sebuah laman web pro kerajaan.

Namun bagi seorang bekas kakitangan kerajaan, ia fenomena biasa selepas bajet diluluskan dan menjelang akhir tahun.

"Biasanya JKR akan menghabiskan peruntukan tahunan di hujung-hujung tahun ini tetapi fenomena menurap jalan tahun ini agak luar biasa.

"Saya rasa pun begitu, kerajaan ada duit sekarang," kata beliau.

Sejak kebelakangan ini, pelbagai media menyiarkan tanggapan positif tentang ekonomi negara.

Para pelabur berlumba-lumba mengumumkan cadangan pelaburan mereka ke negara ini. Ringgit Malaysia juga menjadi sangat baik berbanding mata wang lain di



KERJA-KERJA penurapan jalan yang giat dilaksanakan di seluruh negara jelas membuktikan keprihatinan kerajaan untuk meningkatkan kualiti rangkaian jalan raya.

dunia ini.

Bank Dunia pula menaikkan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi 2024 kepada 4.9 peratus berbanding 4.3 peratus yang diunjurkan sebelumnya.

Ketua Ekonomi Bank Dunia bagi Malaysia, Dr Apurva Sanghi berkata unjuran yang disemak semula itu ialah 0.6 mata peratusan atau 14 peratus lebih tinggi daripada yang diunjurkan sebelum ini, mencerminkan pertumbuhan kukuh dalam penggunaan, pelaburan dan aktiviti perdagangan.

Katanya, Malaysia mencatatkan pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan dan pelaburan domestik yang kukuh pada separuh pertama tahun ini dan juga mencatatkan kemajuan yang memberangsangkan dalam eksport.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dilaporkan berkata Malaysia sedang berada di landasan untuk mencapai semula status Harimau Asia.

Ini berdasarkan tinjauan positif daripada penganalisis dan agensi penarafan, disokong oleh angka ekonomi negara yang memberangsangkan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli juga berkata Malaysia mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2027 sekiranya ekonomi negara tumbuh empat hingga lima peratus setiap tahun dan ringgit mengukuh sekitar RM4.20 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Katanya, Malaysia boleh mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2027 jika ekonomi tumbuh empat hingga lima peratus setiap tahun dan ringgit mengukuh sekitar RM4.20 berbanding dolar AS.

Prestasi ekonomi positif dan kemampuan menjadi hab kewangan antarabangsa penting untuk mencapai status tersebut.

Beliau berkata sekiranya sasaran ini dapat dicapai, Malaysia akan dilihat sebagai negara berpotensi yang seterusnya berupaya bangkit kembali menjadi Harimau Asia.

Semua kenyataan ini dibuat pertengahan tahun ini iaitu Julai 2024 lalu. Ketika itu ramai yang masih kurang yakin apakah ia berdasarkan maklumat yang betul atau sekadar halwa telinga yang sedap didengar semata-mata daripada pemimpin kerajaan.

Dengan kerja-kerja penurapan jalan yang berlaku secara agresif di seluruh negara sekarang, semakin ramai yang yakin bahawa pengumuman kerajaan itu bukan penyedap telinga sahaja tetapi ia adalah realiti.

Ramai sedar, jika kerajaan tidak mempunyai kewangan yang cukup, kerja-kerja penurapan jalan ini bukan perbelanjaan yang menjadi keutamaan kerajaan. Namun dengan kerja-kerja yang boleh dilihat dengan mata kasar ini, maka semakin ramai yakin ekonomi kita semakin kukuh.

Seeing is believing, kata pepatah Inggeris yang bermaksud lihat dan percaya. Kalau selama ini orang ramai hanya mendengar

dari mulut pemimpin dan disiarkan oleh media sahaja, mereka kurang yakin. Namun apabila melihat sendiri dengan mata mereka, kepercayaan mula datang.

Ketika berada di kampung di Kuala Terengganu, sebagaimana biasa saya selalu bersembang dengan abang ipar atau biras saya yang pernah memegang jawatan yang kanan dalam agensi kerajaan.

Beliau adalah penyokong kuat kerajaan negeri Terengganu dan sentiasa mempunyai tanggapan negatif terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas beliau menjadi Perdana Menteri padahal beliau adalah penyokong kuat Anwar ketika masih bekerja dahulu.

"Anwar ini mengambil langkah yang silap apabila bertindak kepada Allahyarham Tun Daim Zainuddin. Nampak sangat itu dendam politik," kata beliau kepada saya. Sebelum ini dia juga berkata demikian tetapi saya tidak bersedia untuk menjawabnya.

Tetapi apabila beliau sekali lagi mengulang dakwaan itu baru-baru ini, saya berkata kepadanya, "Kalau Anwar menjaga kepentingan kedudukannya sebagai PM, kenapa beliau kacau Daim. Padahal Anwar tahu Daim mempunyai wang yang banyak dan akan gunakan wangnya untuk mengganggu beliau?"

"Bagi saya Anwar tidak kesah itu semua. Beliau hanya lakukan apa yang beliau fikirkan betul untuk negara. Kalau selama ini tiada yang berani mengusik Daim, sekarang Anwar memberikan kebebasan sepenuhnya untuk mana-mana pihak berkuasa untuk melaksanakan tugas masing-masing hatta terhadap Daim."

Selepas berjaya memberikan persepsi yang baik untuk negara di mata luar dari segi ekonomi sehingga pelaburan mencurah masuk, kini Anwar berusaha membetulkan hal ehwal dalam negara dan kepentingan umat Islam pula.

Itulah yang dilakukan Anwar dengan cara menyusun semula subsidi termasuk RON95 pertengahan tahun depan selepas melakukannya untuk diesel sebelum ini dan memperjuangkan nasib umat Palestin di pentas dunia.

Dalam masa sama, beliau mula memulangkan sedikit sebanyak dulu hasil kerja beliau untuk rakyat dengan mengemaskan jalan raya mereka.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Awas ulat teksi haram



'**ULAT**' ada di mana-mana. Dulu sering kita dengar ulat tiket bas atau ulat tiket wayang tetapi sejak tiket boleh dibeli secara atas talian, kegiatan ulat ini berkurangan. Namun kegiatan ulat parkir masih wujud. Ulat ini meminta wang daripada orang ramai yang mahu memparkir kenderaan.

Rupa-rupanya kegiatan ulat ini merebak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Ulat-ulat menunggu pelanggan yang keluar dari pintu ketibaan lalu menawarkan khidmat membawa mereka ke destinasi diminta. Senang kata khidmat teksi haram atau kereta sapu.

Tetapi mungkin teksi haram ini menawarkan tambang lebih murah sehingga ada yang tertarik melanggannya.

Dalam hal ini, kawan-kawan Kedai

Kopi ucap tahniah kepada pasukan polis yang bertindak tegas membanteras dan melumpuhkan kegiatan ulat-ulat tersebut. Beberapa orang ditahan, lelaki dan wanita.

Memetik Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri, operasi dikenali Ops Teksi Haram itu dijalankan oleh pasukan Unit Risikan Operasi jabatan berkenaan.

Operasi teksi sapu tidak dlintungi undang-undang. Jika berlaku kemalangan, penumpang tidak mendapat apa-apa pampasan. Selain itu, keselamatan juga tidak terjamin. Bagaimana jika teksi haram ini tidak membawa penumpang ke destinasi diminta sebaliknya menculik?

Menanti presiden wanita

MINGGU ini kawan-kawan Kedai Kopi ingin merentas sempadan dengan menyentuh sedikit isu antarabangsa berkenaan pilihan raya Presiden Amerika Syarikat (AS) 2024 yang menampilkan calon Demokrat, Naib Presiden Kamala Harris bersaing dengan mantan Presiden, Donald Trump yang mewakili Republikan.

Trump berjaya menewaskan Kamala untuk kembali ke Rumah Putih buat kali kedua selaku Presiden Amerika ke-47. Beliau pertama kali menduduki kerusi presiden setelah menang pilihan raya tahun 2016 menewaskan Hillary Clinton. Pada pilihan raya 2020, beliau tewas kepada Joe Biden yang akan tamat tempoh pada Januari 2025.

Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri bersama-sama teman berbual mengenai

perkara tersebut. Rakan-rakan tidak menduga Kamala tewas dan Trump kembali ke Rumah Putih. Ini kerana rakyat Amerika sudah menolak Trump pada tahun 2020.

Persaingan Kamala dan Trump memang sengit. Kerana itu dalam keghairahan rakan-rakan cuba menjadi penganalisis politik, kawan-kawan Kedai Kopi juga terfikir kenapa pengundi tidak memilih calon baharu berbanding Trump yang merupakan calon kitar semula?

Yang terlintas di minda kawan-kawan Kedai Kopi ialah kemungkinan pengundi masih belum bersedia menerima seorang wanita jadi Presiden Amerika. Seolah-olah mereka tidak yakin seorang wanita mampu memimpin sebuah negara kuasa besar dunia.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat Perdana Menteri Lubnan, Najib Mikati di Riyadh, Arab Saudi sebelum Sidang Kemuncak Luar Biasa Negara Arab-Islam.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menghadiri Majlis Perasmian Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK2024) yang telah berlangsung di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).



MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek mengadakan perbincangan bersama para Pengetua TMUA seluruh Malaysia.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa melancarkan Pusat Operasi Global bagi Asia Tenggara pada Isnin.



MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled menerima kunjungan hormat Duta Besar Sweden ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Niklas Wiberg di Kementerian Pertahanan.



MENTERI Sains, Teknologi Dan Inovasi, Chang Lih Kang bersama Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan KL20 bagi menilai kemajuan terkini inisiatif utama KL20.



SEMINGGU



SEDIA PELAJAR HADAPI DUNIA LUAR

AZLAN ZAMBRY

DALAM era digital hari ini, keselamatan dalam talian telah menjadi kebimbangan kritikal bagi individu dan organisasi. Pergantungan kepada Internet untuk berkomunikasi, perniagaan dan perkongsian maklumat menjadikan ancaman jenayah siber telah berkembang dengan pesat.

Jenayah siber boleh terdiri daripada kecurian identiti dan penipuan kewangan kepada serangan yang lebih teruk seperti perisian tebusan dan pelanggaran data.

Jenayah siber ini tidak sekadar menasakkan warga emas, bahkan kanak-kanak dan golongan pelajar turut menjadi mangsa sekali gus memerlukan satu usaha bersepadu daripada semua pihak berkepentingan bagi memastikan kes-kes jenayah melibatkan siber dapat dibendung sekali gus dikurangkan.

Aspek penting untuk kekal selamat dalam dunia digital tentunya menerusi pendidikan dan kempen berterusan bagi memberikan panduan kepada orang ramai agar tidak terjerumus menjadi mangsa jenayah siber.

Menyedari kepentingan melahirkan generasi celik IT serta memahami ancaman jenayah siber, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Wilayahku menganjurkan Forum Keselamatan Dalam Talian.

Menurut pelajar tahun akhir, Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) Komunikasi dan Latihan

Instruksional, **Hanania Uzma Osman**, 24, Forum Keselamatan Dalam Talian yang dianjurkan memberikan pemahaman mendalam berkenaan jenayah siber dan potensi terhadap kehidupan.

"Hari ini saya dapat tahu sebenarnya scam itu boleh dilakukan melalui kecerdasan buatan (AI). Sebelum ini saya berfikir bahawa AI itu hanya melibatkan algoritma untuk media sosial semata-mata, bukan untuk panggilan telefon atau pesanan mesej, dan saya tidak jangka sehingga ke tahap itu kesan AI yang dimanipulasi menjadi jenayah siber."



HANANIA

"Selain itu, apabila pendedahan daripada wakil MCMC mengenai jumlah panggilan scammer sehingga 1.4 bilion dan 1.2 bilion mesej scam, adalah angka yang menakutkan kerana semua orang terdedah kepada jenayah siber ini," katanya kepada Wilayahku.

Ujar Hanania, kebanyakan golongan pelajar yang menjadi mangsa berikutan kerap menggunakan telefon pintar selain turut juga bergantung kepada telefon pintar masing-masing.

"Banyak kes yang terjadi dan yang paling malang apabila kehilangan wang, ia tidak dapat dikembalikan. Jadi kasihan kepada mangsa kerana tidak ada pencerahan bagaimana scam ini boleh berlaku," katanya.

Dia yang bakal menempuh alam pekerjaan selepas tamat pengajian ini menyifatkan forum berkenaan memberikan maklumat yang lebih komprehensif dan pendidikan bagi mengelakkan menjadi mangsa penipuan dan jenayah siber.

"Pastinya selepas tamat

pengajian ini, saya akan menempuh dunia pekerjaan. Antara syaratnya untuk memohon pekerjaan sekarang ini memerlukan kiriman resume dan sudah pasti banyak tempat dan syarikat.

"Antara risiko adalah nombor telefon, alamat dan maklumat peribadi akan tersebar. Macam contoh di laman *linked in*, orang luar negara juga boleh akses dan mendapatkan maklumat kita dan ia agak berbahaya kerana ia dalam tetapan *public* dan terbuka kepada umum.

"Forum ini meningkatkan kesedaran dan perlu lebih berhati-hati sekiranya mendapat panggilan telefon, kita perlu melakukan penyiasatan terutama melibatkan latar belakang syarikat bagi mengelakkan menjadi mangsa," katanya.

Hanania berkata pencerahan mengenai jenayah scam ini perlu diperluaskan berikutan pelajar sekolah rendah juga sudah menggunakan telefon dan ibu bapa juga perlu mengetahui mengenai ancaman jenayah ini.

"Seperti pelajar sekolah yang bermain *video games* di dalam telefon pintar, mereka juga boleh menjadi mangsa penipuan di dalam permainan itu dan juga pekerja diluar juga boleh menjadi mangsa scam."

"Dunia Internet ini terlampau

terbuka dan bebas, orang luar boleh memperoleh maklumat peribadi dengan sekelip mata bahkan potensi untuk kehilangan duit dalam akaun juga sekelip mata.

"Jadi, dengan maklumat yang betul mengenai kandungan scam atau kita boleh tahu apa jangkaan yang sindiket jenayah atas talian ini boleh buat pada kita, semua orang boleh berwaspada dan tahu bagaimana untuk mendapatkan bantuan sekiranya menjadi mangsa atau berdepan dengan rakan-rakan dan ahli keluarga yang menjadi mangsa jenayah dalam talian ini," katanya.

Forum Keselamatan Dalam Talian yang berlangsung selama tiga jam itu diadakan di Studio TV Fakulti FKPM melibatkan 150 pelajar menampilkan penyampai radio popular, Fara Fauzana sebagai moderator.

Antara ahli panel terlibat, Pengerusi YWP Media Sdn Bhd, Datuk Afdlin Shauki Aksan; Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersil Putrajaya, Asisten Superintendan (ASP) Rastam Affendi Md Ramli; Pengarah (Kawal Selia) MCMC Selangor, Mohamad Syukri Jamaluddin dan tetamu khas, Pensyarah Kanan UiTM, Dr Anuar Ali.

Turut hadir, Dekan FKPM, Profesor Madya Dr Abdul Rasid Abd Rahman dan Timbalan Dekan Akademik, Dr Noor Mayudia Mohd Mothar.





PRODUK-PRODUK tarikan pelancongan di Labuan semakin bertambah.

Usaha kerajaan disambut baik

KOMPLEKS SUKAN BERWAJAH BAHARU

KHAIRUL IDIN

RATA-RATA penduduk di pulau ini teruja menanti wajah baharu Kompleks Sukan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan yang kini dalam kerja-kerja naik taraf dan dijangka siap pada suku ketiga tahun hadapan.

Menurut salah seorang penduduk, **Emma Shawina Harun**, 29, usaha pihak kerajaan itu bakal memudahkan warga Labuan terutamanya atlet untuk mendapatkan kemudahan melakukan aktiviti sukan yang lebih selesa.

"Saya berharap dengan adanya kompleks sukan berwajah baharu ini mampu memberikan semangat baharu kepada kita semua untuk terlibat dalam kegiatan sukan khususnya dapat melahirkan atlet pelapis yang berdaya saing," katanya kepada Wilayahku.

Sementara itu, atlet golongan orang kurang upaya (OKU) dalam acara angkat berat, **Rafli Suhaili**

berkata kemudahan yang bakal dinikmati memberi sinar baharu khususnya atlet OKU untuk mendapatkan sesi latihan yang lebih baik.



EMMA



NAZERA

"Sememangnya kemudahan yang sedia ada sebelum ini tidak mencukupi dan serba kekurangan sekali gus menjadi kekangan untuk kami melakukan latihan.

"Dengan adanya kompleks berwajah baharu ini akan memberikan dorongan kepada kami untuk berusaha mempertingkatkan prestasi dalam bidang sukan," katanya.

Terdahulu, projek menaik taraf dan penyelenggaraan fasiliti bangunan tersebut yang bernilai RM20 juta itu telah mencapai 65 peratus siap yang melibatkan pembinaan baharu dan pengubahsuaian antaranya bangunan dewan, padang bola sepak, trek larian dan perobohan kolam renang.

Presiden Majlis Belia Labuan (MBL), **Nazera**

Roslan menzahirkan penghargaan kepada kerajaan dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam usaha menaik taraf kompleks tersebut.

"MBL ucapkan terima kasih dan kami sebagai badan bukan kerajaan (NGO) sentiasa mengangkat suara belia dalam pelbagai aspek khususnya dalam sukan," katanya.

Sebelum ini, Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** memaklumkan kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan bangunan fasiliti itu dapat dilaksanakan berdasarkan jadual yang telah ditetapkan meskipun menghadapi kesukaran mendapatkan bahan dari tanah besar Sabah dan Semenanjung Malaysia.

"Projek naik taraf di Labuan memerlukan masa dan banyak bahan datang dari Semenanjung cuma saya berharap mereka akan mengikut jadual.

"Saya tidak mahu penangguhan yang akan menyebabkan kos meningkat. Saya tahu hasrat penduduk adalah untuk menggunakan fasiliti secepat mungkin seperti balapan.

"Difahamkan apabila dibuka nanti, kira-kira 1,000 hingga 2,000 orang menggunakan balapan itu. Jadi ini adalah satu keperluan untuk penduduk," katanya. 

Cadangan destinasi penganjur ASEAN dialu-alukan

CADANGAN menjadikan Labuan sebagai destinasi pilihan untuk menjadi penganjur Persidangan Kemuncak ASEAN pada tahun depan disambut baik penduduk pulau itu yang melihat ia sebagai usaha kerajaan untuk memperkasakan pembangunan Labuan.

Menurut Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan (PL), **Simsudin Sidek**, cadangan tersebut bakal memberi impak positif kepada ekonomi.

"Saya mewakili PL berbesar hati dengan cadangan dan usaha kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan yang mahu memilih pulau ini untuk menjadi penganjur Persidangan Kemuncak ASEAN.

"Ini merupakan satu peluang yang perlu kita manfaatkan untuk mempromosikan produk-produk ekonomi, pelancongan dan budaya kepada pengunjung luar," katanya ketika dihubungi.

Simsudin berkata pihaknya sentiasa memberi dan membuka ruang untuk kerjasama dengan pelbagai kementerian (kerajaan) mahupun pihak swasta jika cadangan tersebut dicapai agar dapat memastikan penganjuran bertaraf antarabangsa itu mampu dilaksanakan dengan sebaiknya dan sempurna.

"Selain itu kita juga akan bekerjasama dengan pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) untuk merancang persiapan yang perlu dilaksanakan jika ia

(persidangan) diadakan di Labuan pada tahun depan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Labuan, **Datuk Dahlif Singh** berpendapat ia adalah usaha yang perlu dilaksanakan dalam memacu pembangunan ekonomi Labuan yang ketika ini masih berada di tahap kurang memberangsangkan.

Katanya, jika penganjuran yang dicadangkan itu dilaksanakan ia bukan sahaja meningkatkan ekonomi bahkan dapat mempromosikan Labuan sebagai satu pulau yang memiliki potensi besar bagi industri minyak dan gas serta pusat kewangan antarabangsa kepada peserta persidangan tersebut.

"Usaha ini amat bagus dan diperlukan oleh Labuan terutamanya seperti ahli perniagaan seperti kami. Diharapkan kerajaan merealisasikan cadangan tersebut dan saya yakin ia memberi impak yang luar biasa terhadap pelbagai pihak termasuklah pengusaha teksi dan bas, hotel, kedai makan, peniaga kecil dan sebagainya," katanya.

Terdahulu, Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** pada lawatan kerja ke Labuan baru-baru ini memberitahu kementeriaannya telah merangka untuk menjadikan Labuan destinasi penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun hadapan. 

Tingkat pengendalian produktiviti kargo

KEMENTERIAN Pengangkutan (MoT) menyambut baik usaha pengendali operator Pelabuhan Labuan, Megah Port Management (MPM) Sdn Bhd yang komited untuk menjadikan pelabuhan tersebut lebih berdaya saing dan kompetitif.

Menteri Pengangkutan, **Anthony Loke Siew Fook** berkata pihak pengendali operasi itu telah melaburkan peruntukan berjumlah RM25 juta bagi menaik taraf kemudahan dan fasiliti pelabuhan berkenaan.

Katanya, inisiatif tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan

operasinya dalam mengendalikan kargo pelabuhan itu sejak mengambil alih pada tahun 2020 selain mengukuhkan peranannya sebagai pintu masuk ekonomi di Labuan.

"Memang pelabuhan ini akan mendapat perhatian serius daripada Kementerian Pengangkutan di mana kita harap ia dapat dijadikan sebuah pelabuhan yang dinamik, sibuk serta dapat menjana pertumbuhan ekonomi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke pulau itu.

Tambah beliau dengan

kemampuan pengoperasian selama 24 jam sepanjang tujuh hari mengendalikan kargo, ia meningkatkan lagi kemajuan produktiviti.

"Kita akan mencadangkan tempoh konsesi yang lebih panjang mungkin diperlukan untuk menyokong pelaburan infrastruktur yang besar. Ini kerana operator pelabuhan pada ketika ini beroperasi dengan kontrak pengurusan selama enam tahun.

"Perkara ini akan dibawa ke mesyuarat Kabinet bagi menambah baik konsesi kontrak tersebut," katanya. 



ANTHONY LOKE (depan, tiga dari kiri) ketika lawatan ke Jeti Perlabuhan Megah Port Management Sdn Bhd.

APEC 2025

MAJUKAN VISI PUTRAJAYA 2040

SABRINA SABRE

PRESIDEN China, Xi Jinping dijangka menggariskan dasar dan cadangan China untuk mempromosikan kerjasama Asia-Pasifik dalam Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang diadakan di Lima, Peru dari 13 hingga 17 November ini.

Jurucakap Kementerian Luar China, **Mao Ning** berkata negara itu akan bekerjasama dengan semua pihak dalam memajukan pelaksanaan Visi Putrajaya 2040 secara menyeluruh dan seimbang, selaras dengan aspirasi pembangunan serantau yang mampan dan inklusif.

"Visi Putrajaya 2040 yang diperkenalkan pada Sidang Kemuncak APEC 2020 di Malaysia menetapkan matlamat jangka panjang untuk membentuk Asia-Pasifik yang lebih makmur dan sejahtera.

"Hala tuju ini dibina atas tiga keutamaan utama iaitu perdagangan dan pelaburan yang terbuka, inovasi digital serta pertumbuhan inklusif dan mampan.

"Melalui visi ini, APEC berhasrat mewujudkan persekitaran perdagangan bebas dan adil, merangsang inovasi ekonomi serta menggalakkan pembangunan yang menyeluruh dan mesra alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan.

Sejak penubuhannya lebih 30 tahun lalu, APEC telah



ANWAR ketika melakukan kunjungan hormat ke atas rakan sejawatnya, Xi Jinping di Great Hall of the People. Foto: SADIQ ASYRAF/Pejabat Perdana Menteri

memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Asia-Pasifik, dengan 21 ekonomi anggota yang kini merangkumi kira-kira 62 peratus KDNK dunia dan hampir separuh daripada perdagangan global.

Keberadaan China dalam forum ini semakin ketara terutamanya apabila perdagangan luar negara itu dengan ekonomi APEC lain mencecah AS\$3.74 trilion (RM16.39

trilion) pada 2022 atau 59.7 peratus daripada nilai import dan eksport keseluruhan China.

Selain itu, kenyataan itu turut menyatakan bahawa penyertaan Jinping dalam sidang kemuncak berkenaan melambangkan kesungguhan China untuk memperkukuh kerjasama serantau di Asia-Pasifik.

"China juga telah menandatangani perjanjian

perdagangan bebas dengan 15 negara APEC dan merupakan rakan dagangan utama bagi 13 ekonomi anggota, memperkukuh kedudukannya sebagai pemangkin perdagangan serantau.

"Selaras dengan Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI), China telah membangunkan projek infrastruktur seperti Pelabuhan Chancay di Peru yang akan dirasmikan bulan ini.

"Pelabuhan ini dijangka

meningkatkan daya saing ekonomi Amerika Latin dengan membuka laluan perdagangan baharu dan berpotensi menjadi hab perdagangan utama di rantau berkenaan," katanya.

Di samping itu, ulang tahun ke-10 Dasar Diplomasi Pemikiran Xi Jinping turut menjadi penanda penting dalam visi China untuk mewujudkan komuniti serantau yang berlandaskan keamanan dan pembangunan bersama.

Melalui pelbagai inisiatif global, termasuk Inisiatif Pembangunan Global, Inisiatif Keselamatan Global dan Inisiatif Peradaban Global, China berusaha mengajak semua negara untuk bersama-sama menangani cabaran global dan mempromosikan pembangunan sejagat.

Selain menyokong perdagangan terbuka dan inovasi, APEC juga diiktiraf atas pencapaian dalam mengurangkan kadar tarif purata di Asia-Pasifik daripada 17 peratus kepada lima peratus sekali gus menyumbang 70 peratus daripada pertumbuhan ekonomi global.

Melalui pelaksanaan Visi Putrajaya 2040, sidang kemuncak APEC kali ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi kerjasama ekonomi dan sosial di rantau ini, ke arah pencapaian matlamat pembangunan yang lebih inklusif dan mampan untuk masa depan Asia-Pasifik yang lebih cemerlang.



Kukuh imej Malaysia

FESTIVAL Idea Putrajaya 2024 bakal diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 27 hingga 29 November ini bagi memartabatkan pendidikan tinggi dan memperkukuh imej Malaysia sebagai pusat kecemerlangan wawasan intelektual dan inovasi.

Menteri Pendidikan Tinggi, **Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir** berkata festival berkenaan akan menghimpunkan pakar, pembuat dasar, ahli akademik dan masyarakat umum dalam satu platform berprestij untuk membincangkan idea-idea inovatif serta penyelesaian terhadap cabaran semasa dihadapi negara dan dunia.

"Festival ini juga dianjurkan untuk mengembalikan kegemilangan budaya ilmu dan melahirkan masyarakat yang menghargai ilmu.

"Semua idea dan penyelidikan dibawa serta dikumpulkan dalam satu platform untuk dikongsikan kejayaan negara dengan masyarakat dunia dan merangka masa depan negara melalui *The Malaysian Success Story* dan mengangkat Putrajaya sebagai *City of Ideas*," katanya pada Majlis Jerayawara Festival Idea Putrajaya 2024.

Teks ucapan Zambry dibacakan



SEKITAR Majlis Pelancaran Jerayawara Festival Idea Putrajaya 2024.

oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Seri Dr Zaini Ujang.

Zambry berkata festival berkenaan akan menggalakkan inovasi dan penyelesaian kreatif untuk menangani cabaran global seperti ketidaksamaan ekonomi, pembangunan mampan dan perubahan iklim.

"Inilah masanya untuk menggerakkan perubahan besar sejajar dengan peranan Malaysia sebagai pemimpin dalam mencapai kesejahteraan dunia.

"Festival ini akan menjadi pemangkin inovasi bukan hanya memberi impak kepada Malaysia tetapi juga pada peringkat global," ujarnya. 

Terokai pendekatan bandar pintar

PERBADANAN Putrajaya (PPj) akan menganjurkan Pameran & Persidangan Digital Putrajaya 2024 (DiPEC 2024) yang menawarkan peluang kepada pentadbir bandar dan pemain industri dari dalam dan luar negara untuk menerokai pendekatan bandar pintar dalam pengurusan bandar raya.

Menurut PPj, DiPEC 2024 bukan sahaja platform Government-to-Government (G2G) untuk Kerajaan Tempatan tetapi juga meliputi rangkaian Government-to-Business (G2B) dan Business-to-Business (B2B).

"Dengan tema *AI and Data Driven Future City*, DiPEC 2024 akan berlangsung di Dewan Persidangan Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 4 dan 5 Disember ini.

"Acara ini dijangka membawa lebih 50 orang peserta pameran, dengan lebih 20 sesi penceramah.

"Edisi kedua ini akan mempamerkan penyelesaian

bandar pintar yang telah dilaksanakan di Putrajaya," katanya.

Dalam masa sama, PPj berkata DiPEC 2024 berhasrat untuk menggalakkan kerjasama antara bandar, kerjasama bersama pihak swasta, mewujudkan peluang pekerjaan, pembangunan data raya dan pengurusan bandar berasaskan teknologi dalam usaha meningkatkan kesejahteraan sosial.

"Kami akan memperkenalkan inisiatif digital terbaru dalam acara ini antaranya *Putrajaya Urban Observatory* dan Pusat Operasi Bersepadu.

"DiPEC 2024 di Putrajaya pastinya akan menarik penyedia penyelesaian, majlis bandar raya, pemaju bandar dan pembuat keputusan untuk inovasi dan transformasi digital di dalam pengurusan bandar raya.

"Daftar sekarang dan dapatkan tiket percuma anda di laman sesawang <https://dipec.ppj.gov.my>," katanya. 



HANNAH berkesempatan meninjau projek menaik taraf Kompleks Sukan JBS Labuan.

Kerja naik taraf Kompleks Sukan JBS Labuan

PROJEK RM20 JUTA SIAP MENJELANG 2025

SABRINA SABRE

PROJEK naik taraf Kompleks Sukan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan bernilai RM20 juta berada di landasan yang tepat untuk disiapkan menjelang Oktober tahun depan walaupun menghadapi cabaran dalam mendapatkan bahan binaan.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh**, projek tersebut melibatkan beberapa kontraktor sedang dipantau dengan teliti oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Labuan bagi memastikan kemajuan kekal stabil.

"Pembinaan kemudahan baharu serta naik taraf dewan serbaguna, trek larian dan padang sedang berjalan meskipun menghadapi kesukaran mendapatkan bahan dari tanah besar Sabah dan Semenanjung Malaysia.

"Kami memahami cabaran dalam mendapatkan bahan, namun JKR akan terus memastikan projek ini kekal mengikut jadual," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata permintaan daripada persatuan renang tempatan untuk kolam renang baharu

di dalam kompleks itu akan diserahkan kepada Kementerian Ekonomi untuk pertimbangan.

Hannah menekankan kepentingan menyiapkan projek ini mengikut jadual kerana ia penting untuk penduduk tempatan, atlet dan pembangunan sukan.

"Sebarang kelewatan atau lanjutan boleh meningkatkan kos yang kami cuba elakkan," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengarah JKR Labuan, Mohd Faizul Mohd Ali Hanapiah berkata projek yang bermula pada Disember 2021 itu

kini telah mencapai 65 peratus siap.

"Kami menyelia setiap fasa dengan teliti, menyedari halangan yang dihadapi kontraktor. Namun begitu, kami komited untuk memastikan projek ini disiapkan tepat pada masanya," ujarnya.

Terdahulu, projek ini melibatkan pembinaan baharu dan pengubahsuaian termasuk bangunan dewan, padang bola sepak, trek larian, perobohan kolam renang yang terbiar serta naik taraf gelanggang tenis dan bumbung *grandstand*. 

KLFA lundat tunggakan

PERSATUAN Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA) telah menyelesaikan sebahagian tunggakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pemain Kuala Lumpur City (KL City) FC yang gagal dibayar sejak 2021 hingga Februari tahun ini.

Menurut Presiden KLFA, **Syed Yazid Syed Omar**, pihaknya telah melunas tunggakan berjumlah RM50,000 selain memaklumkan tunggakan lain akan diselesaikan secara berperingkat.

"KWSP bagi tempoh bulan ini dan akan datang kita tetap bayar seperti biasa, tunggakan KWSP kita sudah bayar sebanyak RM50,000 selama 24 bulan," katanya pada Mesyuarat Agung Kelab Penyokong Bolasepak KLFA.

Syed Yazid berkata tunggakan sebulan gaji pemain bagi bulan Oktober telah pun masuk ke akaun masing-masing pada Isnin (11 November).

Beliau berkata pihaknya sudah membuat pembayaran baru-baru ini, namun terdapat beberapa masalah teknikal daripada pihak bank, yang menyebabkan berlaku sedikit kelewatan.

Dalam perkembangan lain, Syed Yazid berkata KLFA sedang mempertimbangkan untuk mendapatkan pemilikan penuh bagi Stadium Bolasepak Kuala Lumpur di Cheras daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Kita perlu berjumpa Datuk Bandar yang baharu, kembali kepada proses sebelum ini. Kita ada tandatangan dengan DBKL selama 15 tahun," ujarnya.

Syed Yazid berkata pihaknya bakal memberikan tiket aksi Piala Malaysia dan baju-T kepada ahli Kelab Penyokong Bolasepak KLFA selain menyalurkan sumbangan RM5,000 kepada kelab berkenaan.

Terdahulu, Syazrul Effendy Ibrahim kekal menerajui Kelab Penyokong Bolasepak KLFA sebagai Presiden bagi tempoh 2024-2026. 



SYED YAZID

PSM patuhi arahan KBS buka akaun

PERSATUAN Sepaktakraw Malaysia (PSM) dalam proses membuka akaun bank khas seperti diminta Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi memudahkan urusan menerima dana kerajaan.

Presiden PSM, **Datuk Mohd Sumali Reduan** berkata pihaknya menyambut baik usaha KBS yang membolehkan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) mengurus sendiri dana diberikan kerajaan.

"Sebelum ini ia diurus Majlis Sukan Negara (MSN) dan ini satu cadangan yang baik, kita memang setuju 100 peratus. Cumanya persatuan perlu tahu berapa bajet sebenar diperlukan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat

jawatankuasa tertinggi PSM.

Baru-baru ini, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh dilaporkan berkata terdapat beberapa PSK yang enggan membuka akaun bank khas seperti diminta sebagai syarat utama menerima kemasukan dana daripada kerajaan.

Menurut Hannah, permintaan KBS untuk PSK membuka akaun bank khas adalah untuk memudahkan urusan mereka menerima dana daripada kerajaan.



MOHD SUMALI

rungutan daripada PSK yang mempersoalkan mengapa bayaran yang dituntut lambat dibayar dan disebabkan itu pihaknya membuat pembaharuan menyalurkan dana

Beliau berkata pembukaan akaun bank khas berkenaan adalah tanggungjawab asas yang perlu dituruti PSK, bagi memastikan segala dana yang disalurkan kepada mereka dapat diaudit dan digunakan bagi membantu atlet.

Hannah berkata beliau tidak mahu mendengar rungutan daripada PSK yang mempersoalkan mengapa bayaran yang dituntut lambat dibayar dan disebabkan itu pihaknya membuat pembaharuan menyalurkan dana

secara terus dengan syarat mereka perlu membuka akaun bank khas terlebih dahulu untuk menerimanya.

Mohd Sumali berkata beliau akan berbincang dalam mesyuarat jawatankuasa kerja MSN tidak lama lagi bagi memperincikan jumlah dana diperlukan PSM, yang bergantung kepada berapa banyak kejohanan atau program pembangunan diperlukan.

Dalam pada itu, beliau berkata rombakan besar-besaran skuad wanita kebangsaan akan dilakukan termasuk mengadakan proses pemilihan bagi memastikan hanya pemain yang benar-benar layak terpilih menggalas cabaran

ke peringkat antarabangsa.

"Terdapat pemain yang menonjol di peringkat daerah namun tidak berpeluang mewakili skuad kebangsaan susulan komitmen keluarga atau sukar mendapat pelepasan majikan dan perkara itu akan diperhalusi pihaknya," ujarnya.

Sementara itu, Mohd Sumali berkata PSM akan menganjurkan Piala Tun Ali di Melaka dari 2 hingga 8 Disember ini, melibatkan penyertaan 20 pasukan negeri dan kelab dengan wang hadiah kemenangan kejohanan itu ditambah kepada RM15,000 untuk acara regu dan RM10,000 bagi beregu. 

ARTIS JADI MANGSA AI

DEEL ANJER

PENIPUAN menggunakan penyebaran video dan imej palsu selebriti tertentu yang dihasilkan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI), dikesan berleluasa di negara ini.

Bayangkan para peminat melihat artis-artis kesayangan mereka menjual produk. Muka dan dialog artis tersebut saling tak tumpah dengan selebriti asal. Maka ramailah yang terpedaya.

Sebelum ini kecoh apabila penyanyi Datuk Seri Siti Nurhaliza mendedahkan taktik terkini digunakan *scammer* yang dipercayai menggunakan teknologi AI bagi meniru suara dan wajahnya demi mengaut keuntungan.

Untuk itu, Wilayahku sempat menemu bual barisan artis bagi berkongsi sisi gelap kecanggihan teknologi pada hari ini.

Kerajaan peka isu penipu digital

PENYANYI dan komposer terkenal, **Hafiz Hamidun** berharap pihak berwajib dapat mewujudkan satu undang-undang yang seimbang bagi mengekang masalah penyalahgunaan teknologi AI.

Menurut pelantun lagu Jodoh Berdua ini, apa yang digariskan nanti dalam masa yang sama tidak menyekat perkembangan teknologi, kebebasan bersuara, ekspresi dan seni.

"Kita semua maklum kerajaan sedang mengambil serius terhadap isu ini kerana ia sebenarnya bukan hanya melibatkan selebriti tetapi juga kesannya kepada masyarakat. Terima kasih kepada kerajaan kerana menitikberatkan isu ini dan tidak memberi peluang kepada *scammer* untuk terus menipu.

"Saya mewakili rakyat

berharap, diwujudkan undang-undang khusus agar dapat mengekang masalah tersebut. Bukan apa, setidaknya-tidaknya *scammer* tidak boleh terus menipu dan mengeksploitasi wajah dan suara artis," ujarnya.

Dia tidak menolak, AI banyak membawa manfaat misalnya, kepentingan AI dalam perkhidmatan awam dapat meningkatkan kecekapan operasi dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.

"Sebagai rakyat, kita bantulah kerajaan dalam memanfaatkan teknologi ini dengan tidak menyalahgunakannya. Apa kata, guna AI untuk kebaikan. Macam-macam kelebihan yang anda boleh dapat," ujarnya. 



Pembeli dalam bahaya

PELAKON **Zara Zya** akui penyalahgunaan teknologi AI yang mengeksploitasi selebriti untuk mengaut keuntungan semakin berleluasa.

Bagi pelakon drama bersiri Segenap Takdir ini, budaya tersebut adalah sesuatu yang tidak sihat malah mengancam keselamatan rakyat.

"Apabila *scammer* menggunakan AI dengan memanipulasi selebriti, sudah tentu ada yang terpedaya atau percaya dengan apa yang dijual. Sedangkan artis itu pun tak tahu tentang produk tersebut dan lebih bahaya jika ia tidak selamat digunakan.

"Sudahlah menggunakan wajah atau suara selebriti tanpa kebenaran, keselamatan atau kualiti produk pun belum tentu terjamin, apa yang boleh saya katakan, seronok ke makan duit haram?"

"Bayangkan kalau produk yang dijual itu memudaratkan pembeli, pasti ada yang menyalahkan artis yang kononnya menjual produk itu.

"Situasi ini memang bahaya dan pihak berwajib perlu ambil tindakan segera. Kalau dibiarkan lama-lama, penipuan akan terus berleluasa. Kesannya bukan hanya kepada artis tetapi juga orang ramai," katanya.

Dalam pada itu, Zara mengingatkan agar pihak tidak bertanggungjawab menghentikan segera untuk memanipulasi artis.

"Hendak bekerjasama dengan artis ini ada bermacam-macam cara dan kami selebriti memahami kehendak peniaga di luar sana.

"Janganlah aniaya orang lain demi kepentingan diri sendiri. Hari ini atau esok, mungkin anda terlepas. Lusa belum tentu. Jangan leka atau seronok sangat dengan apa yang anda lakukan. Setiap yang dilakukan pasti ada balasannya," tambahnya lagi. 

Mudarat kepada selebriti



BAGI penyanyi popular, **Haqiem Rusli**, kemajuan AI banyak membantu dalam meningkatkan daya kreativiti terutama dalam pembikinan video, namun kelebihan itu disalahgunakan kepada perkara negatif.

"Kita semua maklum, teknologi AI ini banyak kelebihannya namun ia turut mendatangkan kemudaratkan kepada selebriti apabila ada pihak yang menyalahgunakannya.

"Akibatnya, ramai selebriti yang menjadi mangsa *scammer* apabila video memaparkan artis tersebut disunting pihak tidak bertanggungjawab bagi meraih keuntungan.

"Apabila AI mampu menghasilkan imej atau video palsu yang menyerupai selebriti sebenar, ia digunakan

untuk tujuan penipuan, manipulasi atau penyebaran maklumat palsu. Ini bukan sahaja merosakkan imej selebriti yang terbabit, tetapi juga mengelirukan dan menipu orang awam.

"Malangnya, terdapat ramai yang masih kurang pengetahuan tentang teknologi AI ini. Jadi mereka terpedaya dengan taktik penipuan digital," katanya.

Dalam pada itu, pelantun lagu Sangkar Derita ini berharap para peminat dan masyarakat berwaspada dengan *scammer* yang menggunakan AI untuk memperdayakan mangsa.

"Jangan percaya *scammer*. Jika anda lihat sesetengah selebriti menjual atau mempromosi produk, sila ke akaun media sosial rasmi mereka. Di situ anda dapat lihat sama ada produk yang dijual itu sah atau tipu.

"Masyarakat juga kena peka dengan pengumuman yang dibuat oleh selebriti dalam media sosial mereka. Jika video promosi produk itu didapati angkara *scammer* atau palsu, tolong sampaikan, sebarkan dan maklumkan kepada kaum keluarga, sahabat handai dan rakan-rakan. Beritahu mereka apa yang dijual artis tersebut adalah taktik penipuan oleh *scammer*," tambahnya lagi. 



Penyalahgunaan kuasa di tempat kerja

HAYATI NILAI INTEGRITI DIRI

AZLAN ZAMBRY

INTEGRITI merupakan salah satu prinsip utama dalam ajaran Islam yang telah diterapkan oleh Rasulullah SAW dalam urusan pekerjaan dan kepimpinan pada zaman awal Islam.

Menurut Perunding Pembangunan Sumber Manusia, **Mohd Shaiful Roseman**, Rasulullah SAW dikenali sebagai al-Amin bermaksud yang sangat dipercayai, menunjukkan betapa pentingnya integriti dalam setiap aspek kehidupan baginda sekali gus memperlihatkan keperibadian luhur dalam urusan pekerjaan dan kepimpinan, sentiasa menunjukkan kejujuran, amanah, ketelusan yang menjadi contoh teladan bagi umat Islam.

“Sejarah Islam mencatatkan banyak contoh di mana integriti dalam pekerjaan menjadi kunci kejayaan bagi umat Islam dalam menubuhkan masyarakat yang adil dan sejahtera.

“Sebagai contoh, pada zaman Khulafa al-Rasyidin, para khalifah seperti Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali menunjukkan integriti yang tinggi dalam pentadbiran mereka. Khalifah Umar Al-Khattab khususnya dikenali kerana ketelusan dan keadilan dalam pemerintahannya. Beliau sering melakukan pemeriksaan terhadap pegawai-pegawai kerajaan untuk memastikan mereka menjalankan tugas dengan jujur dan amanah,” katanya kepada Wilayakhu.

Menjelas lanjut, Mohd Shaiful berkata konsep amanah dalam Islam berkait rapat dengan integriti dalam pekerjaan yang berkait rapat dengan prinsip moden tatakelola yang menjadi tulang kecemerlangan negara.

“Dalam era moden ini, prinsip integriti yang terdapat dalam ajaran Islam dapat diterapkan untuk menangani isu-isu seperti rasuah, penipuan dan penyalahgunaan

kuasa di tempat kerja.

“Dengan menekankan pentingnya kejujuran, amanah dan ketelusan, umat Islam dapat membantu membentuk budaya kerja yang lebih beretika dan bertanggungjawab. Pendidikan dan kesedaran mengenai nilai-nilai ini perlu ditingkatkan untuk memastikan ia diamalkan dalam kehidupan seharian,” katanya.

Beliau menjelaskan walaupun terdapat persamaan antara integriti menurut perspektif Islam dan nilai-nilai integriti dalam sistem etika profesional barat, terdapat juga perbezaan yang ketara.

“Integriti dalam Islam bukan sahaja melibatkan kejujuran dan amanah tetapi juga berkait rapat dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

“Ini menjadikan integriti dalam Islam lebih menyeluruh dan mendalam kerana ia melibatkan tanggungjawab kepada Tuhan, diri sendiri dan masyarakat,” katanya.

Mohd Shaiful berkata umat Islam yang bergelar pekerja wajar menekuni pengajaran dan ketelusan dalam sistem pemerintahan Khalifah Umar Al-Khattab serta perlu menjadi contoh dalam pembentukan budaya integriti dalam organisasi moden hari ini.

“Ketelusan dalam pentadbiran beliau seperti pemeriksaan terhadap pegawai kerajaan dan pengurusan kewangan yang telus, boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan integriti dalam organisasi moden,” katanya.

Menurut beliau dalam keadaan semasa masyarakat yang semakin materialistik dan berorientasikan keuntungan, prinsip-prinsip Islam mengenai integriti mungkin menghadapi cabaran.

“Semua pihak menekankan pentingnya kejujuran, keadilan dan ketelusan. Umat Islam dapat



PRINSIP integriti dalam ajaran Islam dapat diterapkan untuk menangani isu-isu seperti rasuah, penipuan dan penyalahgunaan kuasa di tempat kerja. - Gambar hiasan

mengatasi cabaran ini dan memastikan nilai-nilai integriti terus diamalkan.

“Pendidikan dan kesedaran mengenai nilai-nilai ini perlu ditingkatkan untuk memastikan ia diamalkan dalam kehidupan seharian,” katanya.

Tambah beliau, sebagai seorang pekerja Muslim, kepentingan untuk mengintegrasikan nilai-nilai kejujuran, keadilan dan ketelusan dalam pekerjaan untuk mencipta perubahan positif dalam masyarakat dan tempat kerja perlu diberi penekanan.

“Dengan mencontohi teladan Rasulullah SAW dan para sahabat, pekerja Muslim dapat membantu membentuk budaya kerja yang lebih beretika dan bertanggungjawab, yang akhirnya akan membawa kepada kejayaan dan kesejahteraan masyarakat,” katanya.

Menurut Mohd Shaiful, dalam

landskap politik dan pentadbiran, isu integriti dan amanah terus menjadi topik perbincangan yang hangat malahan turut ditekankan berikutan isu tatakelola menjadi fokus Kerajaan MADANI dalam melahirkan rakyat yang berintegriti. “Kita sedia maklum bahawa isu penyalahgunaan kuasa sehingga berlaku rasuah adalah berakar daripada masalah integriti. Ia juga berlaku kerana sanggup menggadaikan nilai dan prinsip sebagai orang Islam sehinggakan mengamalkan rasuah yang sememangnya menjadi kesalahan di dalam Islam.

“Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Anfal ayat 27 yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui*

(salahnya),” katanya.

Tambah Mohd Shaiful, menerusi ayat tersebut, ia jelas bahawa kesalahan berkaitan dengan integriti ini dilakukan secara sedar dan mereka mampu mengelak sekiranya mempunyai rasa takut kepada Allah.

“Janganlah kerana hendak merasa lebih daripada orang lain atau mahu bermewah, sanggup mengetepikan larangan Allah.

“Kita juga perlu sentiasa mengingatkan diri sendiri bahawa menjaga integriti ini amat besar ganjarannya. Dan jika integriti dipelihara, seluruh organisasi akan baik.

“Jika ada dalam kalangan pemegang amanah sanggup menggadaikan larangan Allah dan khianat terhadap kewajibannya, maka seluruh organisasi ini akan rosak sekali gus memberikan kesan negatif kepada orang lain juga,” katanya.